KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2026 - 2030




STATISTIK NADI KEHIDUPAN

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2026 - 2030



Pelan Strategik
Jabatan Perangkaan Malaysia
2026-2030

Cetakan Pertama, 2026
© Hak Cipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514, Presint 1,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

ISBN 978-629-465-179-1

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2026 - 2030

VISI

Peneraju Perkhidmatan Statistik
Demi Kesejahteraan Sejagat

MISI

Menghasilkan Statistik yang Berkualiti, Bertepatan Masa dan *Reliable* untuk Menyokong Keputusan Berasaskan Data

MOTO

Statistik Nadi Kehidupan

Memacu Perkhidmatan yang Berwawasan dan Berorientasikan Rakyat

Memantapkan Tadbir Urus Data dan Memodenkan Model Statistik

Mengukuhkan Sistem Statistik Negara

Memacu Analitik Data Sektor Awam

Membudayakan Statistik dalam Kehidupan

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PSJ 2026-2030

TERAS 1
KEBERHASILAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN STATISTIK YANG INOVATIF DAN RESPONSIF UNTUK KEPUTUSAN YANG STRATEGIK DAN BERIMPAK

- T1S1 Memodenkan Produk Statistik melalui Inovasi, Automasi dan Integrasi
- T1S2
- T1S3

TERAS 2
PEMERKASAAN INOVASI DALAM PENGURUSAN SUMBER DAN INFRASTRUKTUR

- T2S1 Transformasi Digital Sistem Penyampaian Statistik
- T2S2 Pemodenan Aplikasi, Infrastruktur dan Infostruktur ICT DOSM
- T2S3 Pemantapan Pengurusan Organisasi melalui Pengurusan Sumber Manusia
- T2S4 Memperkukuh Strategi Data untuk Tadbir Urus Strategik dan Keselamatan ICT

TERAS 3
PEMBANGUNAN KAPASITI MODAL INSAN

- T3S1 Mengurus Bakat Secara Holistik dan Membangunkan Kompetensi
- T3S2 Memperluaskan Pengiktirafan dan Ganjaran Kompetitif
- T3S3 Meningkatkan Kapasiti Hab Ilmu yang Dinamik dan Berimpak Tinggi
- T3S4 Membudayakan Kesejahteraan Kerja dan Keseimbangan Hidup

TERAS 4
PEMERKASAAN SISTEM STATISTIK NEGARA

- T4S1
- T4S2
- T4S3
- T4S4 Memartabatkan Ekosistem Statistik Subnasional dan Pendigitalan Operasi

Isi Kandungan

Muka Surat

i **KATA ALU-ALUAN**
Menteri Ekonomi
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir

ii **KATA ALU-ALUAN**
Ketua Setiausaha Negara
Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar

iii **KATA ALU-ALUAN**
Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
Datuk Seri Nor Azmie bin Diron

iv **KATA ALU-ALUAN**
Ketua Perangkawan
Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin

1 **RINGKASAN EKSEKUTIF**

2 **OBJEKTIF DAN MATLAMAT**

3 **PENCAPAIAN 2021 - 2025**

18 **TADBIR URUS SISTEM STATISTIK NEGARA**

19 ***FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS***

20 **KERANGKA KERJA STATISTIK**

24 **VISI, MISI, MOTO**

25 **NILAI TERAS**

26 **PEMEGANG TARUH DAN PENGGUNA**

28 **PIAGAM PELANGGAN**

Muka Surat

29 **ANALISIS PERSEKITARAN: ISU DAN CABARAN**

34 **PERANAN DOSM**

36 **HALA TUJU PELAN STRATEGIK JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA 2026 - 2030**

42 **TERAS STRATEGIK**

- 42 **TERAS STRATEGIK 1** Strategi, Program dan Aktiviti
- 47 **TERAS STRATEGIK 2** Strategi, Program dan Aktiviti
- 53 **TERAS STRATEGIK 3** Strategi, Program dan Aktiviti
- 58 **TERAS STRATEGIK 4** Strategi, Program dan Aktiviti
- 65 **RINGKASAN TERAS STRATEGIK**

66 **PENGUKUR KEJAYAAN**

70 **FAKTOR PENENTU KEJAYAAN**

71 ***WAY FORWARD***


72 **LAGU KORPORAT DAN LAGU JABATAN**

75 **PENGHARGAAN**



KATA ALU-ALUAN

- Menteri Ekonomi
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Perangkawan Malaysia



Kata Alu-aluan
MENTERI EKONOMI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2026–2030 berjaya dirangka sebagai dokumen hala tuju yang komprehensif, progresif dan berorientasikan pelaksanaan. Penyediaan pelan strategik ini pada tahun 2026, iaitu tahun yang amat signifikan sebagai permulaan fasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Sesungguhnya, dasar yang baik bermula dengan data yang baik, dan kekuatan sesuatu pelaksanaan bergantung pada ketepatan maklumat yang menjadi asas kepada keputusan negara.

Dalam suasana ekonomi global yang semakin kompleks, digital dan dipacu teknologi, keupayaan kerajaan untuk merancang, melaksana dan menilai keberkesanan dasar amat bergantung pada data dan statistik rasmi yang berkualiti, berintegriti, bertepatan masa dan diyakini. Hakikatnya, data bukan lagi sekadar pelengkap kepada proses pentadbiran tetapi data ialah infrastruktur strategik negara, manakala statistik rasmi merupakan asas penting yang menterjemahkan realiti ekonomi dan sosial kepada keputusan yang tepat dan berkesan.

Peranan DOSM sebagai peneraju Sistem Statistik Negara menjadi semakin strategik dalam menyokong agenda pembangunan negara dan aspirasi Malaysia MADANI. Pengukuhan ekosistem data nasional, pemanfaatan analitik lanjutan, pendigitalan perkhidmatan statistik serta peluasan akses kepada statistik terbuka merupakan langkah yang amat penting untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan ketelusan dan mempertingkat keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Statistik bukan sekadar angka, tetapi asas kepada keputusan negara, dan kekuatan sistem statistik akan menentukan kekuatan dasar yang digubal.

Sepanjang tempoh lalu, DOSM telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan melalui penerbitan statistik yang meluas, pembangunan pelbagai platform digital serta peluasan capaian data kepada kerajaan, industri, akademia, penyelidik dan masyarakat umum. Inisiatif seperti OpenDOSM NextGen mencerminkan komitmen berterusan ke arah membudayakan penggunaan data secara lebih terbuka, inklusif dan bernilai. Ini penting kerana transformasi ekonomi tidak akan berjaya tanpa transformasi data yang kukuh. Apabila data diperkasa, dasar menjadi lebih tajam, apabila statistik diperkukuh, pelaksanaan menjadi lebih tepat.

Saya yakin Pelan Strategik DOSM 2026–2030 akan menjadi pemacu penting kepada transformasi sistem statistik negara yang lebih moden, responsif dan berpandangan jauh sepanjang tempoh pelaksanaan RMK13. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia atas dedikasi dan kesungguhan dalam menyediakan pelan strategik ini. Semoga dokumen ini menjadi landasan yang kukuh untuk memperkasa Sistem Statistik Negara, membudayakan pembuatan keputusan berasaskan bukti dan mengangkat pembangunan Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Sesungguhnya, masa depan negara yang mampan dan sejahtera mesti dibina di atas data yang diyakini, statistik yang berwibawa dan pelaksanaan yang berkesan.

Sekian, terima kasih.

HAJI AKMAL NASRULLAH BIN HAJI MOHD NASIR

Kata Alu-aluan
KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah berjaya menyediakan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ DOSM 2026-2030). Pelan strategik ini merupakan satu dokumen rujukan yang amat penting dalam memperkukuh peranan DOSM sebagai institusi peneraju statistik negara, di samping menyokong usaha berterusan Kerajaan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Dalam landskap pentadbiran moden yang semakin kompleks dan dinamik, statistik rasmi yang sahih, tepat dan tepat pada masanya menjadi asas utama kepada perancangan dasar, pemantauan prestasi serta penilaian impak pembangunan. Sebagai agensi peneraju dalam bidang statistik, DOSM memainkan peranan strategik bukan sahaja dalam memenuhi keperluan data kementerian dan agensi, malah dalam memperkukuh keupayaan Kerajaan untuk membuat keputusan berasaskan bukti, selaras dengan amalan tadbir urus terbaik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Seiring dengan agenda Reformasi Perkhidmatan Awam yang menekankan kecekapan, ketelusan, keberhasilan dan orientasi rakyat, PSJ DOSM 2026-2030 turut dirangka bagi mendukung transformasi sektor awam ke arah yang lebih tangkas, responsif dan berpaksikan data.

Pelaksanaan inisiatif strategik yang direncanakan merangkumi pemerkasaan tadbir urus data, pendigitalan proses statistik, penggunaan teknologi analitik lanjutan serta pembangunan bakat berasaskan kompetensi masa hadapan. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membina perkhidmatan awam yang berintegriti, berprestasi tinggi dan berkeupayaan menangani cabaran pembangunan negara secara berkesan.

Saya yakin bahawa PSJ DOSM 2026-2030 akan menjadi pemacu utama kepada transformasi ekosistem statistik negara yang lebih dinamik, inklusif dan berorientasikan masa depan. Kejayaan pelan ini amat bergantung kepada komitmen, integriti dan keupayaan seluruh warga DOSM untuk terus berinovasi, berkolaborasi serta melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan profesionalisme. Usaha berterusan ini bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan DOSM sebagai peneraju statistik negara, malah akan memberi nilai tambah yang signifikan kepada perancangan dan pelaksanaan dasar di semua peringkat pentadbiran.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada DOSM atas kejayaan menyediakan PSJ DOSM 2026-2030. Semoga pelan strategik ini menjadi landasan yang kukuh dalam menjayakan agenda pembangunan negara yang berasaskan data dan fakta, serta menyumbang secara berterusan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat serta negara.

TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Kata Alu-aluan

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN EKONOMI



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atas kejayaan menghasilkan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ 2026-2030). Pelan strategik ini merupakan satu dokumen penting yang menzahirkan komitmen berterusan DOSM dalam memperkukuh sistem statistik rasmi negara, sejajar dengan aspirasi pembangunan nasional yang berteraskan data, inovasi serta transformasi digital.

Di bawah kerangka Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030 (RMK13), Kerajaan memberi penekanan yang tinggi terhadap pembangunan ekonomi yang inklusif, mampan dan berdaya tahan, dengan data berkualiti tinggi sebagai asas utama kepada perancangan dan pembuatan dasar. RMK13 turut menekankan pengukuhan tadbir urus data, pendigitalan sektor awam, peluasan penggunaan analitik lanjutan serta peningkatan keupayaan institusi dalam menyokong keputusan berasaskan bukti. Dalam konteks ini, peranan DOSM sebagai peneraju statistik rasmi negara amat penting dan strategik bagi memastikan data yang dihasilkan relevan, tepat, bertepatan masa dan diyakini.

Sebagai agensi di bawah Kementerian Ekonomi, DOSM memainkan peranan strategik dalam menyokong pelaksanaan dasar ekonomi negara melalui penyediaan statistik ekonomi makro, sosial dan demografi yang komprehensif. Statistik rasmi bukan sahaja menjadi rujukan utama dalam perancangan dan penilaian dasar, malah turut menyokong usaha meningkatkan ketelusan, kecekapan penyampaian perkhidmatan serta keberkesanan intervensi pembangunan.

PSJ 2026-2030 ini telah mengambil kira cabaran landskap ekonomi global yang semakin kompleks, keperluan transformasi digital sektor awam, penyusunan data yang lebih kerap, tepat masa, terperinci dan mesra pengguna. Pelan strategik ini dijangka memperkukuh keupayaan DOSM dalam menyokong hala tuju pembangunan statistik negara selaras dengan agenda nasional, khususnya dalam memperkukuh ekosistem data, memperluas akses kepada statistik terbuka serta memacu inovasi berasaskan data dalam kalangan kementerian, agensi dan pihak berkepentingan.

Pelaksanaan PSJ 2026-2030 ini juga menuntut penyelarasan yang berkesan antara dasar ekonomi negara dan pembangunan sistem statistik nasional. Dalam hal ini, peranan kepimpinan DOSM serta keupayaan seluruh warga jabatan dalam melaksanakan inisiatif strategik yang digariskan adalah amat penting bagi memastikan matlamat pelan ini dapat dicapai secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Sekali lagi, tahniah kepada DOSM atas kejayaan menghasilkan PSJ 2026-2030. Semoga pelan ini menjadi landasan kukuh dalam memperkasa sistem statistik negara dan menyokong aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

DATUK SERI NOR AZMIE BIN DIRON

Kata Alu-aluan
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) atas komitmen, dedikasi dan profesionalisme yang tinggi dalam menjayakan penghasilan Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ DOSM 2026-2030). Kejayaan penyediaan pelan strategik ini adalah hasil daripada semangat berpasukan, kepakaran teknikal serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua peringkat warga jabatan dalam merangka hala tuju pembangunan statistik negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

PSJ DOSM 2026-2030 merupakan dokumen hala tuju strategik yang dirangka bagi memperkukuh peranan DOSM sebagai peneraju statistik rasmi negara. Pelan ini menetapkan strategi, sasaran dan inisiatif yang jelas untuk mempertingkatkan keupayaan jabatan dalam penyampaian statistik yang berkualiti, tepat, relevan dan berimpak tinggi. Antara tumpuan utama pelan ini ialah pemodenan sistem statistik, pemerkasaan modal insan, perluasan akses kepada data, pengukuhan tadbir urus data serta pemantapan kerjasama strategik dengan kementerian, agensi dan pihak berkepentingan.

Dalam era digital dan data raya, keperluan terhadap statistik yang lebih pantas, granular dan bertepatan masa semakin meningkat. DOSM berdepan cabaran untuk memenuhi permintaan ini dalam persekitaran yang semakin kompleks, sambil memastikan integriti, ketepatan dan kebolehpercayaan data sentiasa terpelihara. Justeru, PSJ DOSM 2026-2030 dirangka sebagai satu strategi menyeluruh bagi memperkukuh kapasiti organisasi, mempertingkatkan keupayaan teknologi, memperluas penggunaan analitik lanjutan serta memacu inovasi dalam penyampaian statistik.

Pelan strategik ini juga diselaraskan dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan pembangunan berasaskan data, pemerkasaan teknologi digital dan peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. PSJ DOSM 2026-2030 menyokong teras pembangunan negara yang berfokus kepada pemulihan ekonomi, kesejahteraan rakyat, kelestarian alam sekitar serta pengukuhan tadbir urus yang berintegriti. Dalam konteks ini, peranan DOSM sebagai peneraju sistem statistik negara adalah amat penting bagi memastikan statistik rasmi terus relevan, responsif dan menyokong pembuatan dasar yang berkesan.

Melangkah ke hadapan, saya berharap agar seluruh warga DOSM terus memberikan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan setiap strategi dan inisiatif yang digariskan dalam pelan ini. Semoga PSJ DOSM 2026-2030 menjadi pemacu kepada transformasi statistik negara yang lebih progresif, berdaya saing dan berorientasikan masa depan, demi menyokong pembangunan Malaysia yang inklusif, mampan dan berasaskan bukti serta kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK JABATAN 2026-2030

Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026–2030 merupakan dokumen rujukan utama yang merangka aspirasi, hala tuju serta strategi pembangunan jabatan secara menyeluruh bagi tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini dirumus dengan objektif utama untuk memperkukuh fungsi dan peranan DOSM sebagai institusi statistik nasional yang cekap, berwibawa dan berorientasikan masa hadapan dalam mendukung agenda pembangunan negara yang mampan dan inklusif.

Seiring dengan evolusi teknologi digital dan keperluan data yang semakin dinamik, pelan ini menetapkan empat (4) Teras Strategik utama sebagai landasan pelaksanaan transformasi organisasi, iaitu:



Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Inovatif dan Responsif untuk Keputusan yang Strategik dan Berimpak

Pemerkasaan Inovasi dalam Pengurusan Sumber dan Infrastruktur

Pembangunan Kapasiti Modal Insan

Pemerkasaan Sistem Statistik Negara

Setiap teras strategik disokong oleh program dan aktiviti yang dirangka secara teliti bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan. Mekanisme pemantauan dan penilaian akan dilaksanakan secara berkala, manakala Kajian Separuh Penggal akan dijalankan pada tahun 2028 bagi menilai pencapaian serta menyesuaikan strategi mengikut keperluan semasa.

Melalui pelaksanaan pelan ini, DOSM komited untuk terus menyediakan statistik rasmi yang berkualiti tinggi, boleh dipercayai dan relevan demi menyokong dasar pembangunan negara berteraskan bukti serta memperkukuh daya saing Malaysia di peringkat global menjelang tahun 2030.

PELAN STRATEGIK

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

2026-2030

Objektif

Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ DOSM 2026-2030) ini bertujuan memperkukuh peranan dan fungsi Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai peneraju statistik rasmi negara melalui penyediaan statistik yang berkualiti tinggi, relevan, tepat pada masanya dan berintegriti bagi menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti. Selain itu, pelan strategik ini memfokuskan kepada pemerkasaan tadbir urus statistik, pengintegrasian data merentasi agensi, serta pengukuhan keupayaan modal insan dan penggunaan teknologi digital secara strategik. Dokumen ini akan menjadi rujukan utama warga kerja DOSM bagi memantapkan perkhidmatan agar selari dengan hala tuju strategik DOSM secara inklusif dan mampan.

Matlamat

Matlamat PSJ DOSM 2026–2030 adalah untuk membangunkan ekosistem statistik negara yang bersepadu, mampan dan berdaya tahan, selaras dengan keperluan pembangunan sosioekonomi dan agenda transformasi digital negara. Melalui pelaksanaan strategi yang berfokus dan inklusif, DOSM berhasrat meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap statistik rasmi serta mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam landskap statistik serantau dan antarabangsa. Dokumen ini memusatkan segala kebersamaan, komitmen dan penumpuan seluruh warga DOSM bagi menjayakan visi dan misi Jabatan.

Pencapaian 2021-2025

2021

1 STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Penghasilan 524 Buku Laporan Statistik bagi pelbagai tempoh (bulanan, suku tahunan dan tahunan).
- Pelancaran 172 penerbitan *MyLocal Stats* mengikut daerah.
- Pelancaran *MyLocal Stats* 2020.

2 MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

- Pembangunan platform statistik untuk analisis dan pengunaan data:
  a. *Agricultural Analytical System* merupakan statistik pertanian.
  b. *Malaysia Economic Indicators Dashboard* merupakan visualisasi interaktif ekonomi Malaysia.
  c. *National Occupational Accident Statistics* merupakan statistik keselamatan pekerjaan, kemalangan dan risiko di tempat kerja.
  d. *Job Market Insights Dashboard* merupakan gambaran pekerjaan dan jawatan kosong di Malaysia.
  e. *My Job Profile* merupakan portal maklumat kerjaya mengikut piawaian MASCO 2020.
- Penubuhan Pusat Analitik Data Raya Negara bersama Jabatan Perdana Menteri, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

3 MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyertaan 301 program antarabangsa yang melibatkan 2,656 pegawai.
- Penganjuran kursus dalaman:
  a. 12 kursus
  b. 392 peserta
- Penganjuran kursus/ seminar/ bengkel luar Jabatan:
  a. 530 kursus
  b. 1,438 peserta

- Penganjuran Program Bahagian/ DOSM Negeri:
  a. 7 kursus
  b. 251 peserta
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) bagi:
  a. Perangkawan Gred E41 lantikan baharu melibatkan 11 peserta.
  b. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E29 lantikan baharu melibatkan 2 peserta.
  c. Pembantu Perangkaan Gred E19 lantikan baharu melibatkan 31 peserta.
- Penganjuran Kolokium Statistik dan *Scientific Poster.*
- Penyertaan 40 delegasi di *International Statistical Institute's World Statistics Congress* 2021 (ISI WSC 2021).

4 KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran persidangan *MyStats* 2021 dan *MyStats Day* 2021.
- Sebanyak 30 lawatan muhibah dan kunjungan hormat.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan:
  a. Halal Development Corporation Berhad (HDC).
  b. Bank Negara Malaysia (BNM).
  c. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- Program Literasi Statistik kepada pelajar kolej dan universiti secara dalam talian.

5 PEMERKASAAN AGENSI

- Penyertaan dalam *Inter-Agency and Expert Groups* dan pelbagai jawatankuasa antarabangsa.

6 PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan sebagai ahli baharu dalam 13 pertubuhan statistik dunia.
- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  a. Pengerusi *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2022;
  b. Naib Pengerusi *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics* (CRVS) *in Asia and the Pacific,* 2019-2024;
  c. Naib Pengerusi *7th Bureau of the ESCAP Committee on Statistics*, 2021-2023;
  d. Naib Pengerusi *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), 2020-2022; dan
  e. Naib Pengerusi *Steering Group for the Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific (RPES)*, 2021-2022.

7 KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Penubuhan DOSM *Stats Relief* (DSR).
- Penyediaan tabung khas bantuan bencana banjir untuk anggota DOSM.
- Penglibatan dalam aktiviti komuniti dan kelab seperti Kelab Sukan Statistik (KSS), *Virtual MyStats Run/Ride*, pertandingan video kreatif dan *eSport*.

2022

1 STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Penghasilan 1,563 Laporan Statistik.
- Pelaksanaan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022.

2 MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

- Pembangunan *Online Services*:
  a. 7 portal
  b. 5 visual interaktif
  c. 2 aplikasi mudah alih
  d. 13 *dashboard*
- Pembangunan 5 *dashboard* baharu:
  a. *MyCenDash* (Banci Penduduk & Perumahan)
  b. *OpenDOSM*
  c. Kawasanku
  d. *MyDemography*
  e. *Malaysia Input-Output Table* (MyIOT)

3 MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyertaan 1,225 program antarabangsa melibatkan 1,330 pegawai.
- 47 pegawai sebagai tenaga pengajar, panel dan pembentang dalam 30 program antarabangsa.
- Penganjuran kursus dalaman:
  a. 22 kursus
  b. 480 peserta
- Penganjuran kursus/ seminar/ bengkel luar Jabatan:
  a. 577 kursus
  b. 3,414 peserta
- Penganjuran Program Bahagian/ DOSM Negeri:
  a. 12 kursus
  b. 1,522 peserta

- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) bagi Pembantu Perangkaan Gred E19 lantikan baharu melibatkan 18 peserta.
- Sumbangan kepakaran melalui *Statistical Capacity Building Programme* (SESRIC).
- Pengukuhan peranan ILSM sebagai pusat pembangunan modal insan (Sedekad ILSM).
- Penganjuran kursus antarabangsa dengan kerjasama Universiti Malaya (UM), *Integrated Public Use Microdata Series* (IPUMS) dan *United Nations Population Fund (UNFPA): Regional Workshop on Harnessing Opportunities Towards A Resilient Future through Census Data* (secara Hybrid) melibatkan 74 peserta.
- Penganjuran Kolokium Statistik 2022: Kejayaan Banci 2020 – Ke Arah Kemampanan dan Kelestarian Keluarga Malaysia 2030.

4 KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran persidangan *MyStats* 2022 dan *MyStats Day* 2022.
- Sebanyak 35 lawatan muhibah dan kunjungan hormat.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan:
  a. University Malaysia Terengganu (UMT)
  b. Asia Pasific University (APU)
  c. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Siri Jelajah Parlimen & DUN.
- Penganjuran Taklimat Penemuan Utama Banci 2022.

5 PEMERKASAAN AGENSI

- Pelaksanaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN).

6 PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan sebagai ahli dalam 53 Jawatankuasa, Kumpulan Pakar, Kumpulan Kerja, Persatuan di peringkat antarabangsa.
- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  a. Pengerusi *18th Session of the Governing Council of the Statistical Institute for Asia and The Pacific* (GC SIAP);
  b. Pengerusi *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2024;
  c. Pengerusi *Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics*, 2018-2020;
  d. Pengerusi *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP) ,2018-2020;

e. Pengerusi *Organization of Islamic Cooperation Statistical Commission* (OIC-StatCom), 2018-2019;
f. Pengerusi *Working Group on International Merchandise Trade Statistics* (WGIMTS), 2018-2019 & 2012-2013;
g. Pengerusi *Task Force on Asia-Pacific Economic Statistics Week* (APES), 2017-2019;
h. Pengerusi *Working Group Statistics on International Trade in Services* (WGSITS), 2014-2016;
i. Pengerusi *Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics* (WGDSA), 2011-2017;
j. Naib Pengerusi *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics* (CRVS) in Asia and Pacific, 2019-2024;
k. Naib Pengerusi *Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics*, 2021-2022;
l. Naib Pengerusi *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), 2020-2022; dan
m. Naib Pengerusi *Friends of the Chair* (FOC) *of SIAP Governing Council, 2013-2015*.

7 KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

Penganjuran Sukan Statistik Kebangsaan 2022.

2023

1 STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Penghasilan 1,479 Laporan Statistik.
- Pelaksanaan Banci Ekonomi 2023.
- Pelancaran penerbitan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022.

2 MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

- Pelancaran Portal dan Aplikasi Mudah Alih Baharu DOSM.
- Pelancaran *OpenDOSM NextGen*.
- Pelancaran Kiosk *StatsDigital* di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA.
- Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU).

3 MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyertaan 150 program antarabangsa melibatkan 651 pegawai.
- 69 pegawai sebagai tenaga pengajar, panel dan pembentang dalam 33 program antarabangsa.
- Penganjuran kursus dalaman:
  a. 31 kursus
  b. 808 peserta
- Penganjuran Program Bahagian/ DOSM Negeri:
  a. 11 kursus
  b. 713 peserta
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) bagi:
  a. Perangkawan Gred E41 lantikan baharu melibatkan 40 peserta
  b. Pembantu Perangkaan Gred E19 lantikan baharu melibatkan 16 peserta

- Penganjuran kursus antarabangsa dengan kerjasama *United Nations Statistical Institute for Asia and the Pacific* (SIAP), *United Nations Statistics Division (UNSD)* dan *International Monetary Fund* (IMF): *Training of Trainers on Quality of Statistics for Sustainable Development Goals* (SDGs) *Workshop for the Asia-Pacific Region* melibatkan 46 peserta (termasuk peserta luar negara).

4 KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran persidangan *MyStats* 2023 dan *MyStats Day* 2023.
- Sebanyak 36 lawatan muhibah dan kunjungan hormat.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan:
  a. Bursa Malaysia
  b. SMECorp
  c. International University (UNITAR)
  d. China Construction Bank (Malaysia) Berhad
- Program literasi statistik melalui:
  a. Lawatan akademik
  b. Sesi penerangan kepada pelajar dan masyarakat

5 PEMERKASAAN AGENSI

- Mandat rasmi membangunkan dan menyelenggara Pangkalan Data Utama (PADU).
- Peneraju Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN).

6 PENGIKTIRAFAN

- Anugerah Agensi Perintis Projek Perluasan Data Terbuka Sektor Awam Fasa II (PDiSA 2023).
- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  a. Pengerusi *The Governing Council of The Statistical Institute for Asia and the Pacific* (SIAP), 2022-2023;
  b. Pengerusi *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2024;
  c. Pengerusi *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific;*
  d. Pengerusi *Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics* (2018-2020) (UNESCAP), 2018-2020;
  e. Pengerusi *Organization of Islamic Cooperation Statistical Commission* (OIC-StatCom), 2018-2019;
  f. Pengerusi *Working Group International Merchandise Trade Statistics* (WGIMTS), 2018-2019 & 2012-2013;
  g. Pengerusi *Task Force on Asia-Pacific Economic Statistics Week* (APES), 2017-2019;
  h. Pengerusi *ASEAN Community Statistical System* (ACSS) *Committee* (2015) *Working Group Statistics on International Trade in Services* (WGSITS), 2014-2016;
  i. Pengerusi *Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics*, (WGDSA), 2011-2012, 2013-2014 & 2015-2017;

j. Naib Pengerusi *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific,* 2019-2024;
k. Naib Pengerusi *Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics*, 2021-2023;
l. Naib Pengerusi *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asla and the Pacific* (UNESCAP), 2020-2022; dan
m. Naib Pengerusi *Friends of the Chair (FOC) of SIAP Governing Council,* 2013-2015.

- Tuan rumah bagi penganjuran *19th Session of the* GC SIAP dan *18th Management Seminar*.

7 KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Penganjuran aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR).
- Penyertaan sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah peringkat kebangsaan dan negeri.
- Ihya' Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

2024

1 STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Penghasilan 1,013 Laporan Statistik.
- Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi 2023.
- Pelaksanaan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2024.
- Pelaksanaan operasi Banci Pertanian 2024.
- Pelancaran Akaun Satelit Sukan 2022.
- Pelancaran penerbitan Demografi Perniagaan 2022.
- Pelancaran Laporan Indikator Kos Sara Hidup 2023.
- Pelancaran Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Daerah Pentadbiran, 2015-2020.
- Pelancaran Banci *Oil & Gas Services and Equipment* (OGSE) 2024.
- Majlis Sambutan Ulang Tahun Jubli Intan ke-75 Jabatan Perangkaan Malaysia.

2 MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

- Majlis peluncuran Pangkalan Data Utama (PADU).
- Pelancaran *MyAgeing Dashboard*.
- Pembangunan Kalkulator Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (MyPAKW).

3 MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyertaan 193 program antarabangsa melibatkan 641 pegawai.
- 22 pegawai sebagai tenaga pengajar, panel dan pembentang dalam 13 program antarabangsa.
- Penganjuran kursus Antarabangsa:
  a. 144 kursus
  b. 527 peserta

- Penganjuran kursus dalaman:
  a. 16 kursus
  b. 512 peserta
- Penganjuran Program Bahagian/ DOSM Negeri:
  a. 15 kursus
  b. 1,058 peserta
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) bagi:
  a. Perangkawan Gred E9 lantikan baharu melibatkan 8 peserta.
  b. Penolong Pegawai Perangkaan Gred E5 lantikan baharu melibatkan 16 peserta.
- Penganjuran kursus antarabangsa dengan kerjasama *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (ESCAP) dan *United Nations World Tourism Organization (UN Tourism): Regional Workshop on Compiling Tourism Statistics in Asia and the Pacific* melibatkan 28 peserta (termasuk peserta luar negara).

4 KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran persidangan *MyStats* 2024 dan MyStats Day 2024.
- Sebanyak 38 lawatan muhibah dan kunjungan hormat.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan:
  a. Universiti Pendidikan Sultan Idris
  b. *The State Committee of The Republic of Uzbekistan on Statistics* (Uzstat)
  c. Kerajaan Negeri Selangor
  d. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

5 PEMERKASAAN AGENSI

- Pelaksanaan Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN).
- Persediaan Akta Statistik baharu menggantikan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).
- Pemerkasaan fungsi DOSM melalui:
  a. Agensi Pusat Statistik
  b. Chief Data Officer (CDO)
  c. Pusat Analitik Data Raya Negara (NBDAC)

6 PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan sebagai ahli dalam 58 Jawatankuasa, Kumpulan Pakar, Kumpulan Kerja, Persatuan di peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:

a. Pengerusi 5th-8th *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2024;
b. Pengerusi 18th & 19th *Session of the Governing Council of the Statistical Institute for Asia and the Pacific* (SIAP), 2022 & 2023 (Keahlian: 2022-2024, 2025-2027);
c. Pengerusi *Bureau Member of the ESCAP Committee on Statistics* (Keahlian: 2018-2020);
d. Pengerusi 6th & 7th *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), 2028 & 2019 (Keahlian: 2018-2020);
e. Pengerusi 7th & 8th *Session of the Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission* (OIC-StatCom), 2018 & 2019 (Ahli Tetap);
f. Pengerusi 5th *Working Group on International Merchandise Trade Statistics* (WGIMTS) (2018-2020 & 2012-2013) 2019;
g. Pengerusi 9th IMT-GT *Trade, investment and Tounsm Database Sub-Working Group (ITITD-SWG) Meeting and the 12 IMT-GT Working Group Meeting on Trade and Investment*, 2019;
h. Pengerusi BIMP-EAGA 3rd *Statistics and Database Working Group Meeting and 7th Trade and Investment Facilitation Cluster Meeting*, 2019;
i. Pengerusi T*ask Force on the Asia-Pacific Economic Statistics Week* (APES), 2017-2019;
j. Pengerusi 1st to 4th *Meeting of the Working Group Statistics on International Trade in Services* (WGSITS), 2016 (2014-2017);
k. Pengerusi *Working Group on Data Sharing, Analysis, Dissemination and Communication of Statistics* (WGDSA)(2011-2012, 2013-2014 & 2015-2017);
l. Pengerusi 5th *Meeting of the Capacity Building Project For Monitoring Integration Progress and Statistics Project Steering Commitree*, 2017;
m. Pengerusi Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines *Meeting on East Asean Growth Area* (BIMP-EAGA), 2017;
n. Pengerusi 1st to 3rd *Project Steering Committee* (PSC) *Meeting of the EU-ASEAN Statistical Capacity Building Project* (COMPASS), 2015-2016;
o. Pengerusi 15th ASEAN *Community Statistical System* (ACSS) *Committee* (2015);
p. Pengerusi 8th & 9th *Session of the ASEAN Community Statistical System Sub-Committee on Planning and Coordination* (ACSS-SCPC) in 2015;
q. Naib Pengerusi 14th *Session of the ASEAN Community Statistical System* (ACSS) *Committee* (2024);
r. Naib Pengerusi 12th *Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission* (OIC-StatCom) 2023 (Keahlian: 2023-2024);
s. Naib Pengerusi 10th *Meeting of the Regional Steering Group* (RSG) *for Civil Registration and Vital Statistics* (CRVS) *in Asia and the Pacific*, 2024 (Keahlian: 2019-2024);
t. Naib Pengerusi *First & Second Joint Meeting of the Steering Groups of the ESCAP Committee on Statistics*, 2023 2024 (*Steering Group for the Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific, and the Regional Steering Group on Population and Social Statistics*);

u. Naib Pengerusi *Regional Advisory Board* (RAB) *Meeting on International Comparison Program (ICP) 2021 for Asia and the Pacific*, 2023-2024;
v. Naib Pengerusi *Bureau Members of the ESCAP Committee on Statistics* (2021-2022);
w. Naib Pengerusi 7th & 8th *Committee on Statistics of the United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), 2020-2022;
x. Naib Pengerusi *Working Group* (WG) *on the Development of New Strategic Vision of OIC Statistical Commission,* 2018-2020;
y. Naib Pengerusi *Steering Group Members of the Regional Programme for the Improvement of Economic Statistics in Asia and the Pacific* (SGRPES), 2021-2022, 2019-2020 & 2016-2017;
dan
z. Naib Pengerusi *Friend of the Chair* (FOC) *on Farmulating the* 2015-2019 *Strategic Plan for SIAP,* 2013-2015.

- Tuan rumah bagi penganjuran Mesyuarat Ke-8 *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2024.
- Perlantikan sebagai negara peneraju untuk penyusunan ASEAN *Mirror Analysis Handbook*.
- *Co-lead* bersama Vietnam dalam pembangunan Pelan Tindakan ACSS 2026-2030 dalam ACSS *Sub-Committee on Planning and Coordination* (SCPC).

7 KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Penganjuran 6 aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR).
- Penganjuran Program Keagamaan dan Kerohanian.
- Ihya' Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

2025

1 STATISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

- Penghasilan 1,581 Laporan Statistik.
- Pelancaran Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2024.
- Pelancaran Laporan Interim Banci Pertanian 2024.
- Penerbitan Akaun Satelit Budaya dan Kreatif 2024.
- Sistem Akaun Negara 2025 (2025 SNA) sebagai piawaian antarabangsa baharu.
- Penglibatan DOSM dalam Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

2 MODENISASI DAN INOVASI STATISTIK

- Pembangunan Hub Data Pasaran Buruh Malaysia (*MyLabourHub*).
- Pembangunan 5 portal/ dashboard baharu:
  a. Portal DOSM GEOHUB
  b. Hab Data Pertanian: TaniStats 2.0
  c. Dashboard MyAgroPrice
  d. Dashboard Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya (PENJAYA)
  e. Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2025
- Pembangunan Kalkulator Jangka Hayat.

3 MODAL INSAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

- Penyertaan 111 program antarabangsa melibatkan 971 pegawai.
- 54 pegawai sebagai tenaga pengajar, panel dan pembentang dalam 15 program antarabangsa.

- Penganjuran kursus dalaman:
  a. 33 kursus
  b. 2,352 peserta
- Penganjuran Program Bahagian/ DOSM Negeri:
  a. 5 kursus
  b. 315 peserta
- Penganjuran *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP) bagi Pembantu Perangkaan Gred E1 lantikan baharu melibatkan 34 peserta.
- Penganjuran kursus antarabangsa dengan kerjasama *United Nations Statistics Division (UNSD), Asian Development Bank* (ADB) dan *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD) : *Advanced International Workshop on Statistical Data and Metadata Exchange* (SDMX) melibatkan 38 peserta (termasuk peserta luar negara).
- Penganjuran Kolokium Ekonomi 2025: Ke Arah Banci Ekonomi 2026 - Analisis Ekonomi Makro dan Prospek Transformasi Struktur.

4 KOMUNIKASI STRATEGIK

- Penganjuran persidangan *MyStats* 2025 dan *MyStats Day* 2025.
- Sebanyak 40 lawatan muhibah dan kunjungan hormat.
- Jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan:
  a. SESRIC sempena 14th OIC-StatCom
  b. Uzbekistan
  c. Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Persediaan jalinan kerjasama *Memorandum of Understanding* (MoU) dengan *Statistical Agency of Tajikistan* (TAJSTAT).

5 PEMERKASAAN AGENSI

- Penyelarasan Sistem Statistik Negara melalui piawaian (MSIC 2025, 2025 SNA).

6 PENGIKTIRAFAN

- Pengiktirafan oleh agensi statistik antarabangsa antaranya:
  a. Pengerusi ASEAN *Community Statistical System* (ACSS), 2025.
  b. Pengerusi 29th *Meeting of the ACSS-Sub-Committee on Planning and Coordination* (SCPC29 dan SCPC30).
  c. Pengerusi *30th Meeting of the* ASEAN *Community Statistical System Sub-Committee on Planning and Coordination* (SCPC-30).
  d. *15th Session of the ACSS Committee* (ACSS15).

- Tuan Rumah dan Pengerusi ASEAN *Community Statistical System* (ACSS) untuk tahun 2025.
- Malaysia dinobatkan sebagai Negara #1 *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25.

7 KESEIMBANGAN BUDAYA KERJA

- Sukan Statistik Kebangsaan 2025.
- Perasmian Gimnasium Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- Penganjuran Sukan Statistik Kebangsaan.
- Majlis Penyerahan Sumbangan Infaq Ramadan 2025 Jabatan Perangkaan Malaysia dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.
- Penganjuran Sekolah Angkat & Kampung Angkat MADANI.

Tadbir Urus Sistem Statistik Negara

Punca Kuasa

DOSM bermula dengan penubuhan Biro Statistik pada tahun 1949 di bawah peruntukan *Statistics Ordinance* 1949. Parlimen telah meluluskan Akta Perangkaan 1965, yang menghapuskan *Statistics Ordinance* 1949. Di bawah akta ini, Biro Statistik dikenali sebagai Jabatan Perangkaan. Akta baru ini lebih komprehensif dan memperkukuhkan kuasa Jabatan dalam pengumpulan dan pengendalian data statistik.




Biro Statistik Sarawak dan Jabatan Perangkaan Sabah juga telah diintegrasikan sebagai cawangan Jabatan Perangkaan Malaysia. Jabatan Perangkaan berada di bawah kawalan dan pengurusan Ketua Perangkawan, dibantu oleh pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain yang difikirkan perlu oleh Yang diPertuan Agong.

Pemerkasaan Sistem Statistik Negara

Pada tahun 1988, Jawatankuasa Pemandu Statistik dan Jawatankuasa Pengguna Utama telah ditubuhkan bagi menetapkan garis panduan, dasar serta keutamaan bagi aktiviti-aktiviti perangkaan. Melalui mekanisma ini, Jabatan bukan sahaja dapat memenuhi keperluan negara dalam pengeluaran data yang berkualiti tinggi dan berintegriti malah juga dapat mencapai piawaian antarabangsa.

DOSM terus memartabatkan landskap sistem statistik negara dalam mempertingkatkan tadbir urus sistem statistik dengan memperkasa Sistem Statistik Negara bagi mengharungi cabaran yang dinamik pada masa sekarang dan akan datang. Sejajar dengan keperluan negara terhadap data dan statistik yang lebih menyeluruh untuk merancang dan melaksanakan dasar pembangunan berpacukan data, Kerajaan pada tahun 2020 telah bersetuju dengan Penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia. Penubuhan MSDN merupakan peristiwa bersejarah yang meletakkan Malaysia sebaris dengan negara maju yang mempunyai majlis statistik negara masing-masing. MSDN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus Sistem Statistik Negara. Struktur Tadbir Urus MSDN juga disokong dengan Jawatankuasa Eksekutif MSDN (JKE MSDN), Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD).



Fundamental Principles of Official Statistics

Principle 1

Relevance, Impartiality & Equal Access

Principle 2

Professional Standards, Scientific Principles, and Professional Ethics

Principle 3

Accountability and Transparency

Principle 4

Prevention of Misuse

Principle 5

Sources of Official Statistics

Principle 6

Confidentiality

Principle 7

Legislation

Principle 8

National Coordination

Principle 9

Use of International Standards


Principle 10

International Cooperation

Kerangka Kerja Statistik

Kerangka kerja statistik bertindak sebagai panduan yang berguna daripada organisasi statistik antarabangsa untuk membantu pelaksanaan aktiviti statistik rasmi dengan lebih berkesan. Dalam konteks *National Statistical Office* (NSO) dan Sistem Statistik Negara (SSN), kerangka ini memainkan peranan yang sangat penting. Ia memastikan bahawa proses pengumpulan, pengolahan dan penyampaian statistik dilakukan dengan cara yang berkualiti, dipercayai dan relevan. Dengan adanya kerangka kerja ini, keputusan yang lebih baik dan menyeluruh dapat dilaksanakan berasaskan data yang tepat dan andal.


01 *FUNDAMENTAL PRINCIPLES OF OFFICIAL STATISTICS*



Conference of European Statisticians telah membangunkan dan menerima pakai prinsip ini pada tahun 1991, yang kemudiannya disahkan di peringkat menteri pada tahun 1992. Kepentingan prinsip-prinsip ini terus diakui di seluruh dunia, sehingga *United Nations Statistical Commission* menerima pakai semasa sesi khas pada April 1994.


Menjelang tahun 2013, *Economic and Social Council* telah mengesahkan prinsip ini melalui resolusi. Pada Januari 2014, Perhimpunan Agung telah mengesahkan *Fundamental Principles of Official Statistics* dengan menegaskan kepentingannya dalam membimbing sistem perangkaan negara di seluruh dunia. Prinsip-prinsip ini bertujuan memastikan bahawa statistik rasmi dihasilkan dengan integriti, profesionalisme dan mematuhi piawaian saintifik.

02 *THE HANDBOOK ON MANAGEMENT AND ORGANIZATION OF NATIONAL STATISTICAL SYSTEMS*




The Handbook on Management and Organization of National Statistical Systems yang terkini merupakan edisi keempat dalam siri *Handbook of Statistical Organization*, diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division* (UNSD). Buku ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada Ketua Perangkawan serta pengurusan organisasi statistik dalam usaha mempertahankan dan membangunkan kapasiti statistik yang diperlukan untuk mencipta budaya berasaskan bukti. Dengan adanya panduan ini, Sistem Statistik Negara (SSN) dapat dipantau dan dinilai dengan lebih efektif, sekaligus memudahkan pelaksanaan penambahbaikan yang berterusan.

03 *GENERIC STATISTICAL BUSINESS PROCESS MODEL* (GSBPM)




Generic Statistical Business Process Model (GSBPM) ialah piawaian antarabangsa yang digunakan bagi menjelaskan proses pengeluaran statistik secara umum. Orientasi GSBPM digunakan untuk mendokumenkan sebarang jenis proses statistik seperti daripada survei yang bersifat tradisional kepada data pentadbiran dan kepada sumber data baharu seperti big data. Proses penyusunan statistik merupakan aktiviti dan tugas yang berkaitan serta berstruktur untuk menukar data input kepada maklumat statistik.

04 *GENERIC ACTIVITY MODEL FOR STATISTICAL ORGANISATIONS* (GAMSO)




GAMSO ialah kerangka kerja yang menerangkan keseluruhan aktiviti yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi statistik, termasuk aspek kepimpinan strategik, pembangunan keupayaan, sokongan korporat dan pengeluaran statistik. Kerangka ini membantu organisasi statistik seperti *National Statistical Office* (NSO) memahami, menyelaras dan mengurus fungsi utama organisasi secara menyeluruh.

05 *NATIONAL QUALITY ASSURANCE FRAMEWORK* (NQAF)



United Nations National Quality Assurance Frameworks Manual for Official Statistics (UN NQAF Manual) menyediakan saranan berkaitan jaminan kualiti, rangka kerja jaminan kualiti oleh United Nations, serta panduan bagi pelaksanaan rangka kerja jaminan kualiti di peringkat negara. Manual ini bertujuan membantu negara menangani isu jaminan kualiti dalam pelbagai keadaan dan situasi, sekali gus menyokong usaha memelihara peranan statistik rasmi sebagai sumber maklumat yang dipercayai. Selain itu, manual ini bukan sahaja diterbitkan untuk memperkukuh jaminan kualiti statistik rasmi di seluruh Sistem Statistik Negara, malah turut menjadi panduan kepada entiti di luar Sistem Statistik Negara yang terlibat dalam pengeluaran statistik rasmi, khususnya berkaitan jaminan kualiti dalam penggunaan sumber dan indikator data yang pelbagai serta statistik Matlamat Pembangunan Mampan. Sehubungan itu, manual ini juga membantu menangani cabaran yang timbul daripada ekosistem data baharu, sumber data baharu, pembekal data baharu dan pengeluar statistik.

06 *GENERIC STATISTICAL INFORMATION MODEL* (GSIM)



GSIM adalah kerangka kerja yang merangkumi aspek pengurusan maklumat statistik dalam sistem statistik kebangsaan. Ini membantu dalam penyeragaman struktur data dan pertukaran maklumat di antara entiti statistik dalam Sistem Statistik Negara.


07 PENYERAGAMAN PENGKELASAN STATISTIK



MALAYSIAN STANDARD INDUSTRIAL CLASSIFICATION (MSIC)


2025 Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) merupakan klasifikasi piawai negara bagi aktiviti ekonomi produktif yang digunakan untuk tujuan pengumpulan, penyusunan dan penyebaran statistik rasmi. MSIC 2025 ialah edisi terkini yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), selaras dengan semakan keenam klasifikasi dan sejajar dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities* (ISIC) *Rev.* 5 yang telah disahkan oleh oleh *United Nations Statistical Commission* (UNSC) di sesi ke-54 pada Mac 2023.

MSIC 2025 menyediakan struktur klasifikasi berhierarki yang merangkumi 22 Seksyen, 88 Bahagian, 260 Kumpulan, 467 Kelas dan 1,248 Perkara. Struktur ini membolehkan pengelasan aktiviti ekonomi secara terperinci dan seragam, seterusnya memperkukuh penyusunan statistik mengikut sektor dan subsektor ekonomi.



MALAYSIA STANDARD CLASSIFICATION OF OCCUPATIONS (MASCO)

Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) adalah penanda aras nasional bagi pengelasan pekerjaan dalam struktur guna tenaga negara. MASCO dibangunkan berasaskan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Antarabangsa (ISCO: *International Standard Classification of Occupations*) dengan perubahan dan modifikasi untuk memenuhi keperluan negara. MASCO menyenaraikan deskripsi dan senarai tugasan beserta kod bagi setiap jawatan yang disenaraikan. Ia mengandungi sepuluh kategori kumpulan utama.



MALAYSIA CLASSIFICATION OF PRODUCTS BY ACTIVITY (MCPA)

Malaysia Classification of Product by Activities (MCPA) ialah klasifikasi untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi Malaysia mengikut produk utama industri. Klasifikasi komoditi sebelumnya adalah berdasarkan kepada *Central Product Classification* (CPC) 1.0 dan *Malaysian Trade Classification and Customs Duties Order* (HS) 2002. CPC 2.0 telah diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menyusun semula kod komoditi untuk memenuhi keperluan semasa.

Rangka untuk MCPA adalah berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC 2008), CPC 2.0, dan HS 2007. Pada dasarnya, klasifikasi di atas mematuhi piawaian oleh *International Standard Industrial Classification for All Economic Activities* (ISIC Rev 4). Oleh yang demikian, MCPA secara tidak langsung adalah berdasarkan piawaian ISIC.

08 BIDANG KEUTAMAAN STATISTIK RASMI NEGARA (UNSC)

United Nations Statistical Commission (UNSC) yang ditubuhkan pada tahun 1946, merupakan badan tertinggi dalam sistem statistik global yang menghimpunkan kesemua Ketua Perangkawan negara ahli daripada seluruh dunia termasuk Malaysia. UNSC merupakan platform membincangkan dan menetapkan standard statistik, pembangunan konsep serta kaedah statistik, kaedah pelaksanaan penyusunan statistik dan menetapkan keutamaan bidang statistik sebagai garis panduan Sistem Statistik Negara (SSN) dan *National Statistical Office* (NSO). Dalam hubungan ini, bidang keutamaan statistik yang ditetapkan oleh UNSC ke-55 adalah seperti berikut:

THE 55TH UNSC SUBJECTS			
1	*Fundamental Principles of Official Statistics*	15	*Climate change statistics*
2	*Data and indicators for the 2030 Agenda for Sustainable Development*	16	*International statistics classifications*
3	*Data Science*	17	*Open data*
4	*Governance statistics*	18	*Demographic statistics*
5	*National accounts*	19	*Disability statistics*
6	*Economic statistics*	20	*Ageing-related statistics and age disaggregated data*
7	*Environmental-economic accounting*	21	*Health statistics*
8	*Agricultural and rural statistics*	22	*Service statistics*
9	*Social statistics*	23	*International Comparison Programme*
10	*Gender statistics*	24	*Information and communications technology statistics*
11	*Population and housing censuses*	25	*Business registers*
12	*Regional statistical development*	26	*Integration of statistical and geospatial information*
13	*Tourism statistics*	27	*Data stewardship*
14	*Business and trade statistics*	28	*Coordination statistical programmes*

Visi

Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat

Misi

Menghasilkan Statistik yang Berkualiti, Bertepatan Masa dan R*eliable* untuk Menyokong Keputusan Berasaskan Data

Moto

Statistik Nadi Kehidupan

NILAI TERAS

1 Kepuasan Pelanggan

Memberikan layanan yang mesra dan profesional kepada pengguna statistik. Sentiasa peka dan prihatin kepada keperluan pelanggan dalam persekitaran yang dinamik.

2 Profesionalisme

Mengamalkan profesionalisme dalam melaksanakan tugas dengan memberikan komitmen yang tinggi, bertanggungjawab dan gigih, memiliki ciri-ciri bijaksana, kreatif, inovatif, berdaya saing dan proaktif serta bertindak berdasarkan amalan statistik terbaik.

3 Kompeten

Mengutamakan kompetensi dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai kualiti kerja terbaik, mempelajari pelbagai kemahiran bagi membuat pelbagai tugas, peka terhadap perubahan semasa, berdisiplin, kerohanian dan berdedikasi terhadap kerja serta pembelajaran berterusan.

4 Integriti dan Akauntabiliti

Melaksanakan tugas dengan penuh amanah, ikhlas dan jujur mengikut peraturan dan prosedur kerja tanpa kepentingan peribadi, memastikan kerahsiaan maklumat individu responden dan bertanggungjawab terhadap tugas yang dilaksanakan.

5 Semangat Berpasukan

Penglibatan semua anggota sebagai satu pasukan.

6 Berhemah dan Berwibawa

Mempamerkan sifat terpuji seperti adil dan saksama, bertimbang rasa, mesra, sabar, tegas dan konsisten dalam membuat keputusan, dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi, bersedia mendengar pandangan dan teguran, dan sentiasa berketerampilan dan berbudi bahasa.

Pemegang Taruh dan Pengguna

PEMEGANG TARUH
Stakeholders

Jemaah Menteri

• Kementerian dan Agensi Persekutuan • Kementerian dan Agensi Negeri

Badan Berkanun • Pihak Berkuasa Tempatan

PENGGUNA UMUM
General Users

Ahli Parlimen • Ahli Dewan Undangan Negeri

• Suruhanjaya • Pejabat Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi Asing • Agensi Swasta

• Institusi Pengajian Tinggi • Penyelidik • Persatuan Industri • Agensi Media

• Dewan Perniagaan • Persatuan Pengguna • Badan Profesional

• Kesatuan Sekerja • Pertubuhan Belia • Badan Bukan Kerajaan • Orang Awam

• Organisasi Antarabangsa

PENGGUNA ANTARABANGSA
International Users

- *ASEAN Statistics Division* (ASEANstats)
- *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC)
- *Asian Development Bank* (ADB)
- *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) *Secretariat*
- *Brunei Darussalam–Indonesia–Malaysia–Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA)
- *Food and Agriculture Organization of the United Nations* (FAO)
- *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth-Triangle* (IMT-GT)
- *International Energy Agency* (IEA)
- *International Institute for Management Development* (IMD)
- *International Labour Organization* (ILO)
- *International Monetary Fund* (IMF)
- *International Organization for Migration*
- *International Telecommunication Union* (ITU)
- *International Trade Centre* (ITC)
- *Islamic Development Bank* (IsDB)
- *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD)
- *Organizational of Islamic Cooperation* (OIC)
- *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* (SESRIC)
- *The Partnership in Statistics for Development in the 21st Century* (PARIS21)
- *United Nations Children's Fund* (UNICEF)
- *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD)
- *United Nations Development Programme* (UNDP)
- *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UN ESCAP)
- *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE)
- *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO)
- *United Nations Environment Programme* (UNEP)
- *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat)
- *United Nations Industrial Development Organization* (UNIDO)
- *United Nations Population Fund* (UNFPA)
- *United Nations Statistical Institute of Asia and the Pacific* (UN SIAP)
- *United Nations Statistics Division* (UNSD)
- *United Nations Women* (UN Women)
- *United Nations World Tourism Organization* (UNWTO)
- *World Bank* (WB)
- *World Health Organization* (WHO)
- *World Intellectual Property Organization* (WIPO)
- *World Trade Organization* (WTO)
- *Other International Users/ Agencies/ Bodies*
- *National Statistical Offices* (NSO)

Piagam Pelanggan

DOSM komited memberi perkhidmatan statistik yang bertepatan masa, *reliable* dan berintegriti dengan:

1 Memastikan statistik disebar dan dapat diakses serentak secara atas talian mengikut Kalendar Keluaran Awalan (*Advanced Release Calendar* -ARC) yang ditetapkan.

2 Memastikan prasarana e-statistik boleh diakses — 24 jam sehari

3 Memastikan permohonan data disediakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut ketersediaan data dan kompleksiti permintaan:

a Data diterbitkan dalam penerbitan dan portal disediakan dalam tempoh — 1 hingga 2 hari bekerja

b Data tidak diterbitkan dan perlu diekstrak dari penjadualan komputer disediakan dalam tempoh — 3 hingga 5 hari bekerja

c Data yang memerlukan pengiraan, penyusunan dan prosesan tambahan dalam tempoh — 2 hingga 10 hari bekerja

d Data kompleks disediakan dalam tempoh tidak melebihi — 30 hari bekerja

DOSM sentiasa memberi perhatian kepada jalinan hubungan dengan pelanggannya dalam menyampaikan perkhidmatan statistik dan memastikan:

1 Pelanggan di kaunter dilayan dalam tempoh — 10 minit dari masa ketibaan

2 Pertanyaan, maklum balas dan aduan yang diterima dikendalikan dalam tempoh — 7 hari bekerja

Analisis Persekitaran: ISU DAN CABARAN

Sistem Statistik Negara berhadapan dengan persekitaran dan pengguna yang berekspektasi tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan statistik terbaik. Keperluan statistik yang dinamik dan kompleks menuntut DOSM sebagai agensi pusat Perkhidmatan Statistik untuk terus merangka strategi bagi mengadaptasi perubahan persekitaran semasa serta mendepani cabaran perubahan transisi sosial, ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia.

Peningkatan Ekspektasi Pengguna

Peningkatan ekspektasi pengguna merupakan cabaran utama kepada perkhidmatan statistik negara pada masa kini. Perkembangan teknologi, data terbuka serta peningkatan tahap pendidikan telah membentuk pengguna yang lebih kritikal terhadap kualiti data yang diterbitkan oleh DOSM. Keadaan ini menuntut ketersediaan data yang lebih tepat, pantas dan mesra pengguna untuk menyokong keperluan pemegang taruh, masyarakat (*general society*) dan pengguna antarabangsa.

Dalam konteks keperluan pengguna, permintaan terhadap statistik dan maklumat waktu ini melangkaui data asas. Pengguna menitikberatkan perincian data yang lebih terperinci di peringkat kawasan terkecil seperti daerah dan mukim. Pangkalan data siri masa boleh memberikan gambaran lebih menyeluruh mengenai situasi semasa. Pengguna statistik pada waktu ini mengekspektasikan akses segera dan percuma kepada data, interaktif serta mudah difahami. Data rasmi yang diterbitkan oleh DOSM digunakan dalam merangka strategi negara oleh Jemaah Menteri, Kementerian dan agensi persekutuan, Kerajaan Negeri dan pelbagai dimensi pengguna.

Peningkatan ekspektasi pengguna perlu dilihat sebagai pemangkin kepada penambahbaikan berterusan dalam Sistem Statistik Negara. DOSM terus memperkukuh usaha ke arah penghasilan data yang lebih inklusif, boleh diakses dan sebaran yang diperluas.

Pengukuhan Tadbir Urus Data

Pengukuhan tadbir urus data melalui pembangunan Hub Data Negara menjadi pemangkin utama kepada transformasi sektor awam dalam tempoh lima tahun mendatang. Langkah ini selari dengan keperluan dasar semasa yang menekankan pendigitalan perkhidmatan kerajaan, kecekapan pentadbiran serta peningkatan penggunaan data bagi menyokong pembuatan keputusan strategik.

Melalui Hub Data Negara, ekosistem perkongsian data antara kementerian dan agensi dapat distrukturkan semula secara lebih tersusun, konsisten dan selamat. Penyatuan sumber data merentas sektor bukan sahaja membolehkan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih responsif, malah mengurangkan penduaan data serta memastikan integriti maklumat sentiasa terpelihara.

Seiring dengan aspirasi pelan pembangunan lima tahun ke hadapan yang memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dipacu teknologi, platform ini meningkatkan kebolehcapaian data berkualiti tinggi untuk tujuan analitik, penyelidikan dan inovasi. Standardisasi tadbir urus, termasuk mekanisme keselamatan, kualiti dan pematuhan, membolehkan data digunakan dengan lebih bertanggungjawab dan berimpak tinggi.

Dalam jangka sederhana, Hub Data Negara akan menjadi teras kepada aspirasi inisiatif kerajaan berpacukan data (*data-driven government*), menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti, memperkasa penyelarasan rentas agensi, serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap pengurusan data kerajaan. Usaha ini turut menyediakan asas kukuh bagi pembangunan digital negara yang lebih inklusif, berdaya saing dan mampan.

Pengurusan Sumber

Sumber kewangan, modal insan, teknologi, kemahiran teknikal, kemudahan *Information and Communication Technology* (ICT) dan institusi khas terus menjadi asas kepada kekuatan DOSM sebagai peneraju penyampaian statistik kebangsaan. Dalam era permintaan data yang semakin kompleks, DOSM berada pada kedudukan strategik untuk memanfaatkan aset sedia ada dan memperkukuh kapasiti bagi memastikan penyampaian perkhidmatan statistik yang lebih bersepadu, moden dan berimpak tinggi sepanjang tempoh 2026-2030. Dari segi kewangan, pengurusan peruntukan tahunan yang mantap menyediakan asas kukuh untuk memperluas model pembiayaan strategik yang lebih fleksibel dan inovatif. Pengukuhan tadbir urus kewangan serta penerokaan kerjasama rentas sektor akan meningkatkan keupayaan DOSM untuk melaksanakan inisiatif transformasi dengan lebih tangkas dan mampan. Modal insan yang berpengalaman dan memiliki kompetensi fungsian memberi kelebihan penting untuk peralihan kepada model kompetensi masa depan. Pembangunan laluan kerjaya yang lebih dinamik, pemerkasaan kepimpinan teknikal dan penyelarasan agihan sumber manusia akan mewujudkan modal insan yang lebih responsif dan berupaya mendokong fungsi statistik moden. Keupayaan teknikal DOSM diperkasa melalui perluasan kompetensi dalam analitik lanjutan, sains data dan pengaturcaraan akan melengkapkan kepakaran metodologi yang telah terbina.

Kemajuan dalam inisiatif digital memberi ruang untuk memperkukuh ekosistem teknologi jabatan secara lebih menyeluruh. Peningkatan integrasi sistem, pemantapan keselamatan digital dan pelaksanaan kerangka pengurusan teknologi yang holistik akan menyokong peralihan jabatan kepada operasi berasaskan data bersepadu, automasi dan kecekapan yang lebih tinggi. Kemudahan ICT di seluruh rangkaian DOSM dipertingkatkan bagi memastikan keseragaman, kebolehpercayaan dan kecekapan operasi. Pelaburan untuk menambahbaik infrastruktur digital dan alat analitik akan memastikan kesiapsiagaan DOSM dalam menyediakan perkhidmatan statistik yang lebih moden dan berdaya saing. Institusi khas seperti Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), *Malaysian Bureau of Labour Statistics* (MBLS), *Change Management Office* (CMO), Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan *National Big Data Analytic Centre* (NBDAC) pula memiliki potensi strategik untuk digerakkan sebagai pemangkin inovasi, pembangunan kapasiti dan standardisasi untuk menyokong keperluan statistik negara. Pemantapan fungsi penyelidikan, sumber, manusia latihan dan pembangunan metodologi, institusi ini dapat memperkukuh kedudukan DOSM sebagai pusat rujukan data dan statistik rasmi negara.

Memperkaya dan Memperkasa Sumber Data

Pembangunan negara pada era digital menuntut data yang komprehensif, berkualiti tinggi dan mudah diakses bagi menyokong perancangan serta penggubalan keputusan dan dasar awam berasaskan bukti. DOSM memperkukuh usaha memperkayakan sumber data melalui pemanfaatan data raya (*big data*) dan peluasan data terbuka (*OpenDOSM*). Inisiatif ini akan memastikan sistem statistik negara kekal relevan, responsif serta inklusif dalam memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pembuat dasar, sektor swasta, komuniti penyelidik dan masyarakat umum.

Peluang strategik dalam memperkayakan sumber data adalah melalui integrasi dan analitik data raya dengan penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan Pembelajaran Mesin (ML) bagi tujuan analitik ramalan dalam pelbagai bidang. Pemerkasaan data terbuka turut diberi keutamaan melalui *Statistical Data and Metadata Exchange* (SMDX), pembangunan *Application Programming Interface* (API) dan penyediaan papan pemuka interaktif yang menyokong penggunaan semula data oleh semua pihak. Di samping itu, pengukuhan ekosistem data nasional melalui peranan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) serta rangka kerja tadbir urus yang lebih cekap dan berkesan.

Justeru, dalam persekitaran intensif digital, risiko keselamatan, privasi data dan tadbir urus data merupakan elemen yang diberi penekanan untuk diperkasakan menerusi mekanisme perundangan dan pentadbiran data.

Perubahan Lanskap Demografi

Perubahan lanskap demografi memberi implikasi besar kepada dasar negara dan hala tuju statistik nasional. Perubahan trend dan transisi demografi seperti penuaan penduduk, penurunan kadar kelahiran, urbanisasi pesat, perubahan struktur isi rumah dan tenaga kerja mempengaruhi cara hidup masyarakat dan turut membentuk harapan mereka terhadap perkhidmatan kerajaan. Justeru, pendataan sosio ekonomi akan lebih kompleks dan mencabar khususnya mewujudkan indikator pengukuran baharu yang mendorong keperluan terhadap statistik yang lebih responsif, inklusif dan terperinci. Penghasilan statistik demografi baharu seperti kesihatan mental, produktiviti warga emas dan kemiskinan bandar, di samping memanfaatkan data pentadbiran dan *big data* bagi menambah baik kualiti dan ketepatan maklumat.

Perubahan demografi menuntut kaedah baharu dalam pengumpulan dan penyediaan data. Reka bentuk banci dan survei tradisional mungkin kurang sesuai dengan struktur isi rumah moden. Cabaran baharu dalam transisi sosial akan turut melibatkan kadar respon terutamanya dalam kalangan penduduk bandar dan generasi muda.

Perubahan demografi yang pesat menuntut DOSM untuk menyesuaikan strategi dan sistem statistik agar kekal relevan. PSJ DOSM 2026-2030 perlu menekankan pemantauan demografi yang lebih terperinci, tepat dan berpandangan ke hadapan. Dengan pendekatan yang inklusif dan berasaskan bukti, DOSM dapat terus memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan negara yang mampan dan berdaya tahan.

Pembangunan Mampan

Seiring kemajuan dunia, pembangunan mampan semakin dilihat sebagai cara utama untuk menyatukan kemajuan ekonomi dengan penjagaan alam sekitar. Akibat pembangunan yang pesat tanpa kawalan, pelbagai masalah seperti pencemaran dan kemerosotan alam sekitar telah timbul dan memberi kesan buruk kepada kehidupan manusia. Negara-negara di seluruh dunia bersetuju untuk melaksanakan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030) bagi mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Selari dengan matlamat ini, pembangunan mampan dan agenda SDG2030 saling berkait rapat dalam membentuk perubahan struktur ekonomi supaya kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan, di samping mengurangkan kesan perubahan iklim. Untuk merealisasikan matlamat ini, sistem ekonomi perlu disusun semula agar amalan pembangunan mampan menjadi asas utama demi kesejahteraan dan keseimbangan alam sekitar untuk masa hadapan.



Pembangunan mampan memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Agenda SDG2030 melalui pemuliharaan alam sekitar dan peningkatan taraf hidup rakyat. Melalui prinsip pembangunan mampan, negara dapat mengurangkan kesan negatif pembangunan terhadap perubahan iklim serta memastikan penggunaan sumber semula jadi secara berhemah, sejajar dengan Matlamat 13 SDG2030 iaitu Tindakan terhadap Iklim.

Perubahan struktur ekonomi memainkan peranan utama dalam mencapai pembangunan mampan dan menyokong agenda SDG2030 secara berkesan. Perubahan ini merujuk kepada peralihan daripada sektor yang bergantung kepada sumber asli dan tenaga kepada sektor berasaskan pengetahuan, inovasi, serta teknologi hijau. DOSM juga perlu mengintegrasikan elemen kesejahteraan (*well-being*) dan kemampanan dalam operasi statistiknya. Selain mengukur petunjuk ekonomi tradisional, pendekatan yang lebih menyeluruh diperlukan untuk mencakupi aspek kualiti hidup, kebahagiaan dan kesejahteraan masyarakat. Pada masa yang sama, pengukuran penunjuk kemampanan alam sekitar seperti pelepasan karbon dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui adalah penting untuk memantau kemajuan negara ke arah pembangunan lestari. Dengan memanfaatkan teknologi seperti Data Raya, kecerdasan buatan dan dan Data Spatial akan meningkatkan ketepatan, kelajuan, dan relevansi data yang dihasilkan.

Kemahiran dan Kepakaran Sumber Manusia

Evolusi data dan teknologi yang berkembang dengan pesat menyebabkan keperluan pembangunan kapasiti khususnya dalam bidang sains data sangat tinggi. Perubahan ini menuntut DOSM memperkukuh kemahiran analitik dan teknologi untuk memastikan keberkesanan penyampaian statistik rasmi serta peranan sebagai peneraju sistem statistik negara. Selaras dengan agenda pendigitalan ekonomi negara, DOSM perlu beralih daripada kaedah konvensional kepada analitik lanjutan dan automasi bagi menghasilkan maklumat yang tepat pada masanya, relevan dan berimpak tinggi. Gabungan kepakaran dalam bahasa pengaturcaraan (*programming language*), statistik, matematik, pembelajaran mesin (*machine learning*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) serta pengetahuan domain membolehkan DOSM menterjemah data raya kepada analisis bernilai tambah sekaligus menyokong dasar berasaskan bukti. Usaha ini sejajar dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan pendigitalan menyeluruh, pengukuhan tadbir urus data serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi bagi memacu ekosistem statistik nasional yang lebih dinamik, inovatif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Modenisasi Penyusunan Statistik

Dalam landskap ekonomi global yang semakin kompleks dan berteraskan data, DOSM berhadapan dengan cabaran dalam memastikan statistik yang dihasilkan kekal relevan, tepat dan terkini. Perubahan pantas dalam teknologi maklumat, permintaan terhadap *real time data* serta peningkatan terhadap keperluan untuk membuat keputusan dan tindakan berdasarkan bukti empirikal yang kukuh telah mendorong DOSM untuk melaksanakan pendekatan modenisasi pemprosesan statistik yang menyeluruh.

Kemajuan dalam Kecerdasan Buatan (AI), pembelajaran mesin (*machine learning*), data pintar serta *Internet of things* (IoT) perlu diadaptasi bagi meningkatkan kapasiti sistem statistik negara. Bersama-sama dengan perubahan budaya kerja, peningkatan jangkaan pengguna, persaingan daripada pelbagai penyedia data menjadi cabaran yang mendesak, namun ia juga menjadi peluang strategik bagi DOSM untuk terus kekal berdaya saing dan dipercayai sebagai peneraju utama dalam ekosistem data negara.

Teknik moden dalam pengumpulan data memainkan peranan yang semakin penting dalam transformasi statistik rasmi. Seiring dengan aspirasi DOSM untuk menjadi organisasi berasaskan data yang tangkas dan lebih responsif, pelbagai pendekatan inovatif sedang diperkenalkan bagi menambah baik kecekapan, ketepatan dan liputan kutipan data. Pendekatan ini melangkaui kaedah survei tradisional dengan merangkumi teknik baharu seperti *web scraping*, *data mining* dan pengintegrasian melalui *Application Programming Interface* (API) yang melibatkan perolehan data daripada pihak ketiga. Namun, setiap pendekatan membawa bersama cabaran dari segi etika, teknikal, perundangan dan operasi. Kejayaan pemodenan ini sangat bergantung kepada pembangunan kapasiti teknikal pegawai DOSM, pembentukan kerangka kawal selia data moden dan jalinan kerjasama antara DOSM, agensi luar dan sektor swasta.



Peranan DOSM

Sebagai agensi utama dalam Sistem Statistik Negara yang berwibawa, inklusif dan mampan berorientasikan pengguna. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memainkan peranan berikut untuk pembentukan dasar pembangunan dan pentadbiran negara.

1 PENERAJU KEPIMPINAN BAGI SISTEM STATISTIK NEGARA

DOSM merupakan peneraju kepada kepimpinan profesional bagi Sistem Statistik Negara. Pengeluaran statistik rasmi yang digunakan bagi tujuan membuat keputusan berasaskan bukti.

DOSM merupakan wakil negara dalam melaksanakan kerjasama statistik di peringkat global dengan tanggungjawab untuk memastikan penyusunan statistik rasmi mematuhi piawaian antarabangsa.

2 PENYEDIA PRODUK DAN PERKHIDMATAN STATISTIK

Sebagai agensi utama Sistem Statistik Negara, DOSM berperanan penting menerusi aktiviti berikut:

a. memperkukuh penyusunan statistik sedia ada dan mengeluarkan statistik baharu mengikut keperluan negara

b. memperluas penyediaan statistik sehingga ke peringkat granular atau kawasan kecil melalui kaedah yang berkesan, bersesuaian dan inklusif bagi memenuhi keperluan negara

c. mengadaptasi metodologi mengikut piawaian antarabangsa yang terkini dan bersesuaian

d. melaksanakan modenisasi dalam proses kerja statistik

e. mengoptimumkan penggunaan data raya bagi memperkayakan nilai statistik dan menyokong keputusan berasaskan bukti

f. meningkatkan keupayaan modal insan dalam analitik dan inovasi

g. meningkatkan kesedaran literasi statistik ke arah membuat keputusan berasaskan bukti

h. menyediakan perkhidmatan rundingan statistik

i. menyediakan pelan komunikasi statistik

3 PENYELARAS AKTIVITI STATISTIK

Peranan DOSM sebagai penyelaras bagi aktiviti statistik berpandukan piawaian antarabangsa dalam menghasilkan statistik yang berwibawa, inklusif dan mampan berorientasikan pengguna. Antaranya:

a. penggunaan metodologi, kod dan klasifikasi

b. perluasan penggunaan data pentadbiran

c. pengintegrasian data daripada pelbagai sumber dan platform

d. pengukuhan peranan DOSM Negeri sebagai koordinator di peringkat negeri dan daerah

e. pengukuhan peranan perkhidmatan kader di agensi kerajaan sebagai *Chief Data Officer*

f. peningkatan jalinan kerjasama strategik dengan pemegang taruh, media dan komuniti statistik di peringkat nasional dan antarabangsa

Hala Tuju Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030



Hala tuju Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2026-2030 (PSJ DOSM 2026-2030) berpaksikan kepada Visi Jabatan iaitu **"Peneraju Perkhidmatan Statistik Demi Kesejahteraan Sejagat"** serta Moto Jabatan **"Statistik Nadi Kehidupan"** yang dikekalkan sebagaimana telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Jabatan Perangkaan Malaysia 2021-2025. Pengekalan Visi dan Moto ini mencerminkan kesinambungan aspirasi jangka panjang Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta komitmen berterusan Jabatan sebagai peneraju Sistem Statistik Negara yang menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat melalui statistik rasmi yang diyakini.

Seiring dengan perubahan landskap pembangunan negara, peningkatan keperluan terhadap statistik yang lebih pantas, tepat dan berimpak, Misi Jabatan telah diperbaharui iaitu **"Menghasilkan statistik yang berkualiti, bertepatan masa dan *reliable* untuk menyokong keputusan berasaskan data."** Pembaharuan misi ini menekankan peranan DOSM sebagai penyedia statistik rasmi yang dapat memenuhi dan menyokong pembuatan keputusan strategik Kerajaan melalui penyediaan data dan statistik yang sahih dan relevan.

Berpandukan Visi, Misi dan Moto ini, hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 dirangka bagi memperkukuh peranan DOSM dalam keseluruhan kitaran dasar awam, merangkumi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian dasar pembangunan negara selari dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dan aspirasi pembangunan negara yang inklusif, mampan dan berdaya saing.

Hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 dirangka bagi memastikan DOSM terus berperanan sebagai peneraju Sistem Statistik Negara dalam menyokong perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan negara berasaskan bukti. Dalam persekitaran sosioekonomi global dan nasional yang semakin kompleks, dinamik dan dipacu data, statistik rasmi bukan lagi sekadar output maklumat, sebaliknya telah berkembang sebagai instrumen strategik utama yang menyokong keberkesanan dasar, kecekapan tadbir urus serta kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 memberi penekanan kepada pengukuhan menyeluruh keupayaan DOSM dalam menghasilkan statistik yang berintegriti, relevan, bertepatan masa dan berimpak tinggi, selari dengan keperluan dasar semasa dan masa hadapan.

Penyediaan PSJ DOSM 2026-2030 adalah selari dengan pelaksanaan **Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)** yang menekankan keperluan kepada statistik yang tepat, terkini, bersifat granular dan dapat menyokong pemantauan prestasi dan penilaian impak dasar secara berterusan. Dalam konteks ini, statistik rasmi berfungsi sebagai asas utama kepada pembuatan keputusan Kerajaan, termasuk dalam merangka dasar ekonomi, sosial dan alam sekitar, menilai keberkesanan intervensi pembangunan serta menambah baik pelaksanaan dasar. Keupayaan Kerajaan untuk menilai kemajuan pembangunan negara, kesejahteraan rakyat dan kemampanan ekonomi amat bergantung kepada kualiti dan statistik yang disediakan oleh DOSM sebagai agensi peneraju statistik rasmi negara.

Berasaskan **Teras Strategik 1 iaitu Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Inovatif dan Responsif untuk Keputusan yang Strategik dan Berimpak,** hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 memberi fokus menyeluruh kepada pemantapan perkhidmatan dan produk statistik agar berfungsi sebagai input strategik utama dalam keseluruhan rantaian dasar awam. Statistik rasmi akan terus diperkasakan bukan sahaja sebagai alat pelaporan keadaan semasa, tetapi sebagai asas analitik dalam merangka, melaksana, memantau dan menilai dasar pembangunan negara secara bersepadu. Pendekatan ini memastikan setiap keputusan dasar disokong oleh bukti empirikal yang kukuh dan mencerminkan realiti sosioekonomi sebenar.

DOSM akan memperluas skop statistik yang berorientasikan dasar dengan memberi penekanan kepada dimensi hasil (*outcomes*), impak (*impacts*) dan nilai awam (*public value*). Statistik ekonomi, sosial, demografi dan alam sekitar akan dirangka supaya dapat menyokong penilaian keberkesanan intervensi pembangunan secara lebih holistik, termasuk dari sudut kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial, produktiviti dan kemampanan. Pendekatan ini membolehkan Kerajaan mengenal pasti sama ada dasar yang dilaksanakan benar-benar mencapai objektif yang ditetapkan.

Dalam memenuhi keperluan dasar yang semakin bersasar, DOSM akan memperkukuh statistik peringkat subnasional sehingga ke kawasan terkecil. Statistik terperinci ini penting bagi menyokong dasar yang bersifat *place-based* dan *people-centred*, khususnya dalam menangani jurang pembangunan antara wilayah, ketidaksamaan sosioekonomi dan kelompok rentan. Melalui statistik yang lebih granular dan berfokus, perancangan pembangunan dapat dilaksanakan secara lebih tepat, inklusif dan responsif.

Keupayaan analisis bersepadu merentas sektor turut diperkukuh bagi menangani isu rentas bidang yang perlu diuruskan secara bersama. Statistik akan dimanfaatkan untuk menyokong analisis sistemik melibatkan hubungan antara ekonomi, sosial dan alam sekitar, termasuk isu pasaran buruh, kemiskinan multidimensi, kos sara hidup, kesejahteraan bandar dan luar bandar serta kemampanan pembangunan jangka panjang. Pendekatan ini memperkukuh peranan statistik rasmi sebagai alat sokongan strategik kepada Kerajaan.



Dalam usaha memastikan statistik rasmi benar-benar menyokong keperluan dasar, DOSM akan memperkukuh pendekatan pembangunan statistik yang berpaksikan pengguna (*user-driven statistics*). Keperluan pembuat dasar, perancang pembangunan dan pihak berkepentingan utama akan dikenal pasti secara sistematik bagi memastikan statistik yang dihasilkan selari dengan keutamaan nasional serta cabaran semasa dan masa hadapan. Pendekatan ini membolehkan DOSM bertindak secara proaktif dalam menyediakan statistik yang relevan dan berimpak.

Hala tuju ini turut merangkumi pengukuhan statistik yang menyokong pemantauan keberhasilan dasar (*outcome-based monitoring*) dan penilaian impak (*impact evaluation*). Statistik akan dirangka untuk menyokong pengukuran hasil sebenar dasar terhadap rakyat dan ekonomi, termasuk perubahan tahap kesejahteraan, kualiti hidup dan daya tahan sosioekonomi. Pendekatan ini memperkukuh peranan statistik rasmi sebagai instrumen penilaian objektif terhadap keberkesanan dasar awam.

Selain itu, DOSM akan meningkatkan keupayaan penyampaian statistik secara naratif dan berasaskan bukti bagi menyokong kefahaman pembuat dasar dan orang awam. Penyampaian statistik yang jelas, berfokus dan kontekstual akan membolehkan dapatan statistik diterjemahkan kepada tindakan dasar yang lebih tepat dan berkesan. Usaha ini juga menyokong pembudayaan penggunaan statistik sebagai rujukan utama dalam wacana dasar dan perancangan pembangunan negara.

Selaras dengan **Teras Strategik 2 iaitu Pemerkasaan Inovasi dalam Pengurusan Sumber dan infrastruktur,** hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 memberi penekanan kepada pendigitalan menyeluruh rantaian nilai statistik sebagai asas kepada peningkatan kecekapan, ketepatan dan ketangkasan penyampaian statistik rasmi. Transformasi digital akan dilaksanakan secara sistematik merangkumi kaedah pengumpulan data, pemprosesan, penganalisisan, penyimpanan dan komunikasi statistik dalam satu ekosistem digital yang bersepadu.

DOSM akan memanfaatkan data pentadbiran dan sumber data alternatif secara lebih meluas bagi melengkapi banci dan survei yang dijalankan oleh DOSM. Pendekatan ini membolehkan statistik dihasilkan dengan lebih pantas, kos efektif dan relevan, selari dengan keperluan persekitaran pentadbiran moden yang menuntut maklumat hampir masa nyata. Penggunaan data pelbagai sumber akan meningkatkan keupayaan DOSM untuk mengadaptasi perubahan sosioekonomi secara lebih dinamik dan responsif.

Pemanfaatan analitik lanjutan, automasi dan kecerdasan buatan akan diperkukuh untuk meningkatkan kualiti penganalisisan data dan mempercepatkan penyampaian statistik bernilai tambah. Keupayaan ini membolehkan DOSM menyediakan analisis ramalan dan senario bagi menyokong perancangan strategik Kerajaan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi, perubahan demografi dan risiko masa hadapan. Pendekatan analitik yang lebih maju ini akan mengangkat peranan DOSM daripada pengeluar statistik kepada penyedia *insight* strategik.

Dalam melaksanakan transformasi digital, DOSM akan memastikan tadbir urus data yang kukuh dari segi keselamatan, kerahsiaan dan integriti. Semua inisiatif digital akan berpandukan prinsip perlindungan data, etika penggunaan data dan pematuhan perundangan. Peluasan akses kepada statistik terbuka melalui platform digital pula akan menyokong ketelusan, memperkukuh akauntabiliti serta meningkatkan kepercayaan awam terhadap statistik rasmi negara.

Bagi memperkukuh transformasi digital statistik, DOSM akan memacu peralihan ke arah ekosistem statistik bersepadu yang menyokong perkongsian dan penggunaan data secara selamat dan terkawal. Integrasi sistem dan data merentas agensi akan diperkukuh bagi membolehkan statistik dihasilkan secara lebih cekap, konsisten dan tepat pada masanya. Pendekatan ini menyokong, pengoptimuman sumber dan peningkatan kecekapan keseluruhan sektor awam.

Hala tuju ini juga memberi penekanan kepada inovasi metodologi statistik melalui penerokaan pendekatan baharu dalam pengumpulan dan penganalisisan data. Penggunaan kaedah pemodelan statistik, integrasi data pelbagai sumber dan analitik lanjutan, akan diperkukuh bagi meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan statistik dalam persekitaran data yang semakin kompleks. Pendekatan ini membolehkan DOSM menyesuaikan diri dengan perubahan pesat dalam landskap data global.

Dalam mendepani risiko transformasi digital, DOSM akan memastikan prinsip keselamatan siber, perlindungan data peribadi dan etika penggunaan data diberi keutamaan. Tadbir urus keselamatan data yang kukuh akan menjadi asas kepada setiap inisiatif pendigitalan bagi mengekalkan keyakinan orang awam terhadap statistik rasmi negara. Pendekatan ini memastikan inovasi dan kemajuan teknologi dilaksanakan secara bertanggungjawab dan mampan.

Bagi **Teras Strategik 3 iaitu Pembangunan Kapasiti Modal Insan,** hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 menekankan pembangunan modal insan sebagai prasyarat utama kepada kejayaan transformasi statistik dan data negara. DOSM akan membangunkan keupayaan sumber manusia secara holistik merangkumi kemahiran teknikal, keupayaan analitik, pemikiran strategik serta kebolehan komunikasi dan interpretasi statistik.

Pembangunan bakat akan dilaksanakan berasaskan kompetensi masa hadapan yang sejajar dengan keperluan pendigitalan dan analitik lanjutan. DOSM akan memperkukuh perancangan tenaga kerja strategik bagi memastikan kepakaran yang kritikal tersedia secara berterusan, termasuk dalam bidang statistik moden, sains data, ekonomi, analitik dasar dan pengurusan data. Pendekatan ini penting bagi memastikan kesinambungan kepakaran dan kepimpinan teknikal dalam organisasi.

Di samping pembangunan kemahiran, hala tuju ini memberi tumpuan kepada pembinaan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan integriti, profesionalisme dan akauntabiliti. Pengurusan prestasi akan diperkukuh dengan penekanan kepada pencapaian hasil dan nilai tambah kepada dasar awam. Hala tuju ini turut mengambil kira kesejahteraan warga kerja sebagai faktor penting dalam memastikan prestasi jangka panjang organisasi. Persekitaran kerja yang kondusif, menyokong pembelajaran berterusan dan keseimbangan kerja-kehidupan akan diperkasakan bagi memastikan warga DOSM kekal bermotivasi, produktif dan komited terhadap misi jabatan.

Dalam konteks pembangunan modal insan, DOSM akan memberi penekanan kepada pembinaan kepakaran strategik yang menyokong peranan baharu jabatan dalam era data dan analitik. Pembangunan keupayaan akan meliputi kemahiran analisis dasar, pemikiran sistem dan keupayaan mentafsir data dalam konteks sosioekonomi yang lebih luas. Hala tuju ini turut menyokong pewujudan persekitaran pembelajaran berterusan yang menggalakkan inovasi, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kepakaran dalaman. Mekanisme pengurusan pengetahuan akan diperkukuh bagi memastikan kepakaran dan pengalaman institusi dimanfaatkan secara optimum serta diwariskan secara berkesan kepada generasi seterusnya.

Sejajar dengan **Teras Strategik 4 iaitu Pemerkasaan Sistem Statistik Negara,** hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 memberi penekanan kepada pemerkasaan Sistem Statistik Negara sebagai satu ekosistem bersepadu yang menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti di seluruh sektor awam. DOSM akan terus memperkukuh peranan sebagai agensi pusat dalam menyelaras pembangunan statistik negara melalui penetapan standard, metodologi dan amalan terbaik yang seragam.

Penyelarasan penghasilan statistik merentas kementerian dan agensi akan diperkukuh bagi mengurangkan pertindihan, meningkatkan kualiti data dan memastikan konsistensi statistik rasmi negara. Pendekatan ini menyokong kecekapan sektor awam serta memastikan statistik yang digunakan oleh Kerajaan adalah selaras dan boleh dipercayai.

Kerjasama strategik dengan institusi akademik, sektor swasta dan rakan antarabangsa akan dimanfaatkan bagi memperkukuh keupayaan statistik negara melalui perkongsian kepakaran, inovasi dan amalan terbaik global. Di samping itu, usaha meningkatkan literasi statistik dan membudayakan penggunaan data dalam kalangan masyarakat akan terus diperkasakan bagi menyokong tadbir urus yang lebih telus, inklusif dan berorientasikan hasil.

Bagi memastikan Sistem Statistik Negara berfungsi secara berkesan sebagai satu ekosistem bersepadu, DOSM akan terus memperkukuh mekanisme penyelarasan dan kerjasama antara pengeluar statistik rasmi negara. Peranan dan tanggungjawab setiap agensi akan dijelaskan melalui kerangka tadbir urus statistik yang lebih tersusun bagi memastikan akauntabiliti dan konsistensi dalam penghasilan statistik rasmi negara. Hala tuju ini juga menekankan kepentingan memperkukuh hubungan strategik dengan sektor swasta, institusi akademik dan masyarakat dalam membangunkan statistik yang lebih relevan dan berimpak.



Selain itu, usaha meningkatkan literasi statistik dalam kalangan masyarakat akan diperkasakan secara berstruktur dan berterusan. Statistik rasmi yang difahami dan dipercayai akan menyokong pembuatan keputusan yang lebih bermaklumat di peringkat individu, organisasi dan komuniti. Pendekatan ini seterusnya menyumbang kepada tadbir urus yang lebih telus dan berakauntabiliti selari dengan aspirasi pembangunan negara.

Secara **keseluruhan,** hala tuju PSJ DOSM 2026-2030 menetapkan kerangka strategik yang komprehensif, konsisten dan berpandangan jauh. Hala tuju pelan strategik ini bukan sahaja menggariskan aspirasi strategik DOSM, malah menetapkan asas pelaksanaan yang jelas dan berdaya tahan. Pendekatan berasaskan Teras Strategik 1 hingga 4 memastikan hala tuju ini bersifat menyeluruh, seimbang dan saling melengkapi antara dimensi perkhidmatan statistik, pendigitalan, modal insan dan tadbir urus Sistem Statistik Negara.

Keseluruhannya, PSJ DOSM 2026-2030 menyediakan landasan strategik yang kukuh bagi memastikan statistik rasmi terus relevan, diyakini dan berimpak tinggi dalam menyokong pelaksanaan RMK13 serta pembangunan Malaysia yang inklusif, mampan dan berdaya saing. Dengan komitmen kepimpinan, penyelarasan antara agensi dan sokongan seluruh warga DOSM, hala tuju ini diyakini mampu memacu transformasi Sistem Statistik Negara secara berterusan demi kepentingan rakyat dan negara.



TERAS STRATEGIK 1

Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Inovatif dan Responsif untuk Keputusan yang Strategik dan Berimpak

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 1

Memodenkan Produk Statistik melalui Inovasi, Automasi dan Integrasi

Program 1

Menjamin daya saing melalui inovasi produk.

Aktiviti

1. Membangunkan produk statistik generasi baharu.
2. Memperkukuhkan analisis spatial bagi penghasilan produk dan penyampaian.
3. DOSM sebagai *National Fact Hub* dengan data holistik.

Program 2

Mereformasikan produk ke arah keterangkuman, kesejahteraan dan kemampanan.

Aktiviti

1. Mempertingkat keberhasilan statistik melalui penjajaran data kepada keberkesanan dasar serta impak terhadap kesejahteraan masyarakat.
2. Menghasilkan statistik dan indikator baharu bagi pengukuran kesejahteraan dan kemampanan.
3. Memperluas ketersediaan statistik granular bagi penggubalan dasar negeri, mukim, Kerajaan Tempatan, DUN dan Parlimen.

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 2

Memacu Perkhidmatan yang Berwawasan dan Berorientasikan Rakyat

Program 1

Memajukan perkhidmatan responsif yang menepati ekspektasi pengguna.

Aktiviti

1. Memodenkan produk dan perkhidmatan statistik melalui inovasi data pintar.
2. Mewujudkan *Policy Impact Lab* bagi memperkukuh keupayaan pembuat dasar melalui senario, simulasi dan ramalan berasaskan bukti.
3. Memperluas *Statistical Intelligence Hub* secara capaian masa nyata bercirikan *AI Powered Dashboard*.

Program 2

Memperkasa koordinasi data bagi menjamin integriti.

Aktiviti

1. Memajukan integrasi data rentas agensi secara bersepadu.
2. Memperkasa perkongsian data melalui standard piawaian, metadata bersepadu dan perundangan sokongan.

TERAS STRATEGIK 1

Program 3

Memodenkan komunikasi data melalui visualisasi dan naratif untuk keputusan dan tindakan berasaskan bukti.

Aktiviti

1. Mempertingkatkan interaksi strategik pengguna melalui naratif berpacukan data.
2. Memajukan penyampaian *insight* dengan pantas merentasi platform digital secara maya.
3. Membudayakan geo-AI bagi penghasilan visualisasi spatial.

Program 4

Memajukan kepakaran perundangan sebagai *policy shaper* (pencorak dasar).

Aktiviti

1. Membudayakan *coaching* dalam *domain statistical science* kepada agensi dan komuniti.
2. Memperkasa khidmat kepakaran sebagai penasihat data kepada Kementerian dan pembuat dasar.

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 3

Memantapkan Tadbir Urus Data dan Memodenkan Model Statistik

Program 1

Melonjakkan transformasi *Business Model* Statistik.

Aktiviti

1. Memodenkan *Business Model* Statistik melalui pengadaptasian GeoGSBPM.
2. Memperkejap *statistical register* sebagai tunjang kepada pemerkasaan ekosistem data yang berintegriti.
3. Memperkasa survei metodologi hibrid dan memperluaskan penggunaan data pentadbiran.
4. Meluaskan Program Automasi & Pemantauan Masa Nyata Proses Statistik berteraskan kecerdasan buatan.

Program 2

Menginstitusikan tadbir urus data yang lestari, inklusif dan adaptif terhadap cabaran masa hadapan.

Aktiviti

1. Mempertingkatkan adaptasi Pematuhan Piawaian dan amalan Statistik Antarabangsa.
2. Memperkukuh tadbir urus data melalui *Data Stewardship National Framework*.

Program 3

Memperkukuh *statistical transparency and impartiality*.

Aktiviti

1. Memperluaskan pengukuran kualiti melalui pelaksanaan *Statistical Quality Assurance and Forensic*.
2. Membangunkan repositori metodologi sebagai asas ketelusan data.
3. Memacu ketelusan dan integriti melalui P*olicy Bias Detection and Mitigation Lab*.

TERAS STRATEGIK 2

Pemerkasaan Inovasi dalam Pengurusan Sumber dan Infrastruktur

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 1

Transformasi Digital Sistem Penyampaian Statistik

Program 1

Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan digital.

Aktiviti

1. Kebolehgunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) yang boleh diintegrasikan dalam perkhidmatan statistik sedia ada.
2. Kebolehgunaan teknologi Pembelajaran Mesin (ML) yang boleh diintegrasikan dalam perkhidmatan statistik sedia ada.
3. Kebolehgunaan teknologi Internet Pelbagai Benda (IoT) yang boleh diintegrasikan dalam perkhidmatan statistik sedia ada.
4. Kebolehgunaan teknologi Automasi Proses Robotik (RPA) yang boleh diintegrasikan dalam perkhidmatan statistik sedia ada.

Program 2

Pemerkasaan ekosistem kondusif persekitaran kerja digital.

Aktiviti

1. Pemerkasaan Pelaksanaan Ruang Kerja Digital (*Digital Workspace*).

Program 3

Pemerkasaan penyampaian perkhidmatan berasaskan data.

Aktiviti

1. Pengukuhan Perkhidmatan Analitik Data.
2. Pemerkasaan StatsDW sebagai platform pengurusan data.
3. Pemantapan Pengkomputeran Awan.
4. Pemantapan *Enterprise Architecture* (EA).
5. Pemantapan penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS).

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 2

Pemodenan Aplikasi, Infrastruktur dan Infostruktur ICT DOSM

Program 1

Pemerkasaan infrastruktur dan infostruktur ICT DOSM.

Aktiviti

1. Menaik taraf infrastruktur dan infostruktur ICT DOSM bagi menyokong penyampaian perkhidmatan statistik yang lebih cekap, selamat dan berdaya saing.
2. Menaik taraf infrastruktur capaian tanpa wayar (WIFI) bagi menyokong penyampaian perkhidmatan pembelajaran statistik yang lebih berkesan.
3. Mengekalkan Pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2002.

Program 2

Mengadaptasi penggunaan aplikasi ICT yang terkini dan relevan dalam penyusunan statistik.

Aktiviti

1. Pemodenan sistem legasi menepati keperluan keselamatan ICT serta selari dengan amalan terbaik (*best practices*) pembangunan sistem semasa.
2. Memperkasakan *National Enterprise Wide Statistical System* (NEWSS) bagi pengurusan survei.
3. Meningkatkan penyebaran statistik secara digital melalui aplikasi.

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 3

Pemantapan Pengurusan Organisasi melalui Pengurusan Sumber Manusia

Program 1

Pengukuhan pembangunan kapasiti sumber manusia.

Aktiviti

1. Memperkasa pengurusan kerjaya sumber manusia DOSM.
2. Pengukuhan struktur organisasi daripada sektoral kepada fungsian.

Program 2

Pengukuhan kolaboratif strategik.

Aktiviti

1. Memperkukuh kerjasama strategik dalam perkongsian data dan kepakaran antara agensi kerajaan, swasta dan akademia.

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 4

Memperkukuh Strategi Data untuk Tadbir Urus Strategik dan Keselamatan ICT

Program 1

Pemantapan keselamatan siber.

Aktiviti

1 Memperkukuh keselamatan infrastruktur ICT melalui penggunaan sistem *Security Information and Event Management* (SIEM) secara proaktif dan berpusat.

Program 2

Mengukuhkan tadbir urus data.

Aktiviti

1 Memperkasa Struktur Tadbir Urus Data Nasional.

2 Memperkukuhkan penyusunan statistik akaun negara dan statistik imbangan pembayaran selaras dengan pelaksanaan SNA 2025 dan BPM7.

3 Pembangunan polisi & standard data.

4 Keterhubungan sistem dan integrasi data rentas agensi untuk penciptaan nilai.

TERAS STRATEGIK 3

Pembangunan Kapasiti Modal Insan

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 1

Mengurus Bakat Secara Holistik dan Membangunkan Kompetensi

Program 1

Memperkasa kepelbagaian keupayaan strategik berasaskan bidang statistik dan teknologi.

Aktiviti

1. Memastikan pegawai lantikan baharu mengikut kursus *Statistical Competencies Development Programme* (SCDP).
2. Meningkatkan kemahiran anggota berkaitan teknologi dan kaedah analitik baharu.
3. Meningkatkan kapasiti dan kompetensi pegawai melalui Program Pandu Citra dan Permentoran.
4. Meningkatkan bilangan profesional yang berkelayakan pasca siswazah dengan fokus bidang kajian terpilih.

Program 2

Mengukuhkan pembangunan potensi warga berlandaskan kesediaan, keupayaan dan kesesuaian pegawai.

Aktiviti

1. Menggalakkan penghasilan penerbitan berkualiti tinggi yang memenuhi piawaian akademik antarabangsa.
2. Memperkasakan program kepimpinan dan *soft skill* sejajar dengan *succession planning* Jabatan.
3. Mewujudkan program berbentuk *attachment* dengan agensi yang bersesuaian seperti *industry bridging* dan *apprenticeship*.

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 2

Memperluaskan Pengiktirafan dan Ganjaran Kompetitif

Program 1

Mempertingkatkan penyertaan dalam kumpulan pakar/ pertandingan/ program kreativiti dan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Aktiviti

1. Menyertai program dan pertandingan penarafan peringkat Kementerian, Negeri dan Antarabangsa.
2. Meningkatkan keterlibatan anggota dalam Kumpulan Kerja Pakar (*Expert Group*) dan Pasukan Kerja (*Working Group*) di peringkat nasional dan antarabangsa.
3. Mewujudkan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert*) di kalangan anggota Jabatan.
4. Meneroka peluang pensijilan Pakar Statistik peringkat Nasional dan Antarabangsa (*Certified Statistician*) kepada anggota Jabatan.

Program 2

Mengiktiraf pengetahuan, kemahiran dan bakat anggota untuk memberikan ganjaran yang kompetitif.

Aktiviti

1. Melaksanakan latihan dan konsultansi teknikal dengan ganjaran yang kompetitif.
2. Meningkatkan peluang latihan jangka panjang atau jangka pendek dalam pelbagai bidang sebagai ganjaran kepada anggota.
3. Mewujudkan peluang dan platform kepada anggota untuk menawarkan perkhidmatan berbayar berkaitan kemahiran dan bakat.
4. Ganjaran dan insentif prestasi.

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 3

Meningkatkan Kapasiti Hab Ilmu yang Dinamik dan Berimpak Tinggi

Program 1

Memantapkan peranan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) sebagai hab ilmu statistik dan kemahiran masa hadapan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Aktiviti

1. Mengukuhkan kolaborasi strategik di peringkat Nasional dan Antarabangsa untuk memperluas pembangunan kapasiti.
2. Menjadi pusat pembangunan bakat statistik masa depan melalui peningkatan kursus statistik dan sains data.
3. Kolaborasi dengan universiti/ industri untuk *micro-credential* bidang statistik, ekonomi digital dan geospatial.

Program 2

Mengintegrasikan teknologi baharu dalam pembangunan dan pengurusan kompetensi anggota dan penyampaian latihan.

Aktiviti

1. Memperkasakan pengurusan kompetensi anggota.
2. Memperkasa platform *e-learning*.
3. Memperkasa kemahiran mengikut bidang ICT.

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 4

Membudayakan Kesejahteraan Kerja dan Keseimbangan Hidup

Program 1

Program kesihatan fizikal dan kesejahteraan.

Aktiviti

1. Program pengurusan stres dan keseimbangan kerja-kehidupan.
2. Kempen gaya hidup sihat.
3. Melaksanakan pemeriksaan kesihatan secara berkala.
4. Inisiatif Kerja Pintar dan Sejahtera.

Program 2

Program sosial dan kekeluargaan.

Aktiviti

1. Mempelbagaikan aktiviti kelab sosial dan rekreasi anggota.
2. Melaksanakan program yang melibatkan penyertaan ahli keluarga.

TERAS STRATEGIK 4

Pemerkasaan Sistem Statistik Negara

TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI 1

Mengukuhkan Sistem Statistik Negara

Program 1

Memperkasa tadbir urus sistem statistik negara.

Aktiviti

1. Memperkasakan Majlis Statistik dan Data Negara.
2. Pindaan Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).
3. Mengukuhkan kompetensi *Chief Data Officer* di Kementerian, Jabatan dan Agensi melalui pembangunan modal insan.
4. Melaksanakan pengukuhan organisasi di peringkat ibu pejabat, negeri dan daerah.

Program 2

Memperkasa identiti dan peranan strategik DOSM.

Aktiviti

1. Pengiktirafan produk dan perkhidmatan statistik di peringkat nasional dan global.

TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI 2

Memacu Analitik Data Sektor Awam

Program 1

Pengurusan statistik dalam Sektor Awam.

Aktiviti

1. Membudayakan garis panduan pengurusan statistik sektor awam.
2. Memberi khidmat rundingan teknikal kepada sektor awam dalam penggunaan standard, klasifikasi statistik dan metodologi penyelidikan dalam pengeluaran statistik.

Program 2

Memperkasakan kerjasama strategik dengan Kementerian, Jabatan dan Agensi bagi pengukuhan pengurusan data sektor awam.

Aktiviti

1. Mengkaji ketersediaan data ekonomi dan sosial di Kementerian, Jabatan dan Agensi.
2. Memperkasa keupayaan pembekalan data dari Kementerian, Jabatan dan Agensi secara berkala.
3. Melaksanakan kajian indikator baharu bersama Kementerian, Jabatan dan Agensi.
4. Memperluaskan kerjasama strategik bersama kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI 3

Membudayakan Statistik dalam Kehidupan

Program 1

Memudahkan capaian data.

Aktiviti

1. Memperkukuhkan dan menyusun semula platform sebaran data.
2. Meningkatkan penggunaan data dalam penyelidikan.
3. Meningkatkan perkongsian hasil penyelidikan dan kajian.
4. Mempergiatkan penggunaan data dalam membuat keputusan.

Program 2

Mempelbagaikan medium komunikasi statistik.

Aktiviti

1. Memantapkan komunikasi statistik.

Program 3

Membudayakan statistik dalam kehidupan komuniti.

Aktiviti

1 Meningkatkan program literasi berimpak tinggi.

Program 4

Mengiktiraf dan memartabatkan profesion statistik.

Aktiviti

1 Menyemarakkan Sambutan Hari Statistik Negara.

2 Memberi pengiktirafan kepada profesion statistik.

STRATEGI 4

Memartabatkan Ekosistem Statistik Subnasional dan Pendigitalan Operasi

TERAS STRATEGIK 4

Program 1

Memperkasa penggunaan teknologi digital.

Aktiviti

1. Membangunkan platform rujukan maklumat sosioekonomi negeri.
2. Memodenkan kaedah pengurusan data di lapangan melalui digitalisasi.

Program 2

Pengukuhan dan perluasan kerjasama strategik.

Aktiviti

1. Meningkatkan kerjasama strategik dengan agensi negeri.
2. Meningkatkan pembudayaan penggunaan data di peringkat agensi negeri.

TERAS STRATEGIK 4

Program 3

Peningkatan kebolehcapaian dan keterbukaan data.

Aktiviti

1 Menyebarluaskan penggunaan portal dan *dashboard* bagi merealisasikan polisi data terbuka.

2 Memperkukuh penyebaran statistik negeri melalui infografik, laporan interaktif, *dashboard*, *newsletter* dan sesi libat urus pengguna.

Program 4


Pembangunan literasi data.

Aktiviti

1 Meningkatkan kefahaman dan kemahiran warga kerja dalam analisis dan interpretasi data.

2 Mewujudkan garis panduan pengendalian data yang beretika dan mematuhi dasar keselamatan maklumat.

Ringkasan Teras Strategik



Teras Strategik	1	3	9	25
Teras Strategik	2	4	9	24
Teras Strategik	3	4	8	27
Teras Strategik	4	4	12	27

Pengukur Kejayaan

TERAS STRATEGIK 1

Keberhasilan Produk dan Perkhidmatan Statistik yang Inovatif dan Responsif untuk Keputusan yang Strategik dan Berimpak

01 Pemantapan ekosistem penghasilan statistik berasaskan keperluan pengguna, masa nyata dan berasaskan permintaan (*on-demand*).

02 Automasi dan integrasi analitik lanjutan (AI/ML) dalam penghasilan statistik.

03 Penerapan penyampaian data berbentuk interaktif, visualisasi pintar dan boleh disesuaikan oleh pengguna (*customizable dashboards*).

04 Penggunaan AI, *blockchain* untuk jaminan integriti data, serta teknologi pemprosesan masa nyata (*real-time analytics*).

Pengukur Kejayaan

TERAS STRATEGIK 2

Pemerkasaan Inovasi dalam Pengurusan Sumber dan Infrastruktur

01 Peningkatan keselamatan data menerusi tadbir urus ICT yang berkesan.

02 Peningkatan keupayaan infrastruktur ICT Pusat Data.

03 Penyediaan platform yang *agile* untuk perkongsian dan pengurusan data Kerajaan.

04 Peningkatan inisiatif integrasi data menggunakan *Application Programming Interface* (API) serta penggunaan perisian & teknologi yang dapat memproses data dengan lebih pantas.

05 Pewujudan *Enterprise Architecture* (EA) DOSM bagi memperluaskan penggunaan sumber secara optimum.

06 Pewujudan platform secara berpusat bagi kemudahan pengguna mendapatkan *web feed* dari aplikasi-aplikasi yang disediakan oleh DOSM.

07 Peningkatan aplikasi mudah alih yang mesra pengguna dalam penyebaran data dan statistik.

Pengukur Kejayaan

TERAS STRATEGIK 3

Pembangunan Kapasiti Modal Insan

01 Peningkatan program penghayatan nilai teras dan sahsiah serta kompetensi di kalangan warga kerja.

02 Peningkatan kompetensi anggota melalui pelaksanaan SCPD dan latihan bidang berkaitan statistik selaras dengan perkembangan serta permintaan semasa.

03 Pemantapan kemahiran penggunaan pakej statistik dan analitik di kalangan anggota.

04 Pengukuhan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang berkaitan statistik seiring dengan perkembangan revolusi teknologi.

05 Pengukuhan jalinan kerjasama bersama pihak Institut Pengajian Tinggi menerusi program penyelidikan dan pengajian.

06 Peningkatan keupayaan infrastruktur ICT bagi menyokong budaya kerja yang dinamik dan responsif.

07 Peningkatan pembudayaan dan pengaplikasian idea kreatif dan inovasi dalam pelaksanaan kerja.

08 Pemantapan modul latihan seiring dengan keperluan terkini.

09 Pewujudan bagi bidang kepakaran yang diiktiraf.

10 Pemantapan kerjasama strategik dengan *National Statistical Office* (NSO) dan agensi statistik antarabangsa ke arah perkongsian bidang kepakaran.

Pengukur Kejayaan

TERAS STRATEGIK 4

Pemerkasaan Sistem Statistik Negara

01 Pematuhan agensi kepada standard dan klasifikasi statistik negara.

02 Peningkatan penggunaan data pentadbiran sebagai sumber statistik rasmi.

03 Keberkesanan mekanisme tadbir urus Sistem Statistik Negara.

04 Peningkatan tahap perkongsian data yang selamat dan berstruktur antara agensi.

05 Peningkatan akses data mikro bagi tujuan penyelidikan dan penganalisisan.

06 Pengiktirafan sistem statistik Malaysia di peringkat antarabangsa.

FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

- Sokongan kepimpinan pengurusan tertinggi.
- Perancangan strategi yang jelas.
- Penggunaan teknologi terkini yang relevan.
- Kecukupan sumber kewangan dan tenaga kerja.
- Jaringan kerjasama strategik dengan pemegang taruh, agensi dan organisasi statistik dalam dan luar negara.
- Jaringan kerjasama strategik pihak media.
- Komitmen dan kerjasama semua personel.
- Kerjasama masyarakat dan pemimpin secara keseluruhan bagi menjayakan sesuatu teras.
- Keberkesanan pembangunan kapasiti sumber manusia.
- Tadbir urus yang baik.

WAY FORWARD

Pelan strategi ini mendokong DOSM mendepani cabaran ke arah 2030 sebagai peneraju perkhidmatan statistik demi kesejahteraan sejagat. Peranan tersebut sangat penting bagi menyediakan negara dengan landskap sistem statistik yang kukuh.

Memperkasakan peranan DOSM sebagai peneraju statistik rasmi negara dalam menyokong pembuatan dasar berasaskan bukti.

Melaksanakan pemantauan dan penilaian secara berterusan termasuk Kajian Separuh Penggal bagi memastikan pelaksanaan PSJ kekal relevan dan responsif.

Memperkukuh keupayaan modal insan melalui pembangunan kompetensi, profesionalisme dan budaya kerja berintegriti.

Meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan statistik agar lebih pantas, tepat dan relevan.


Memperkukuh tadbir urus statistik serta perlindungan kerahsiaan data bagi meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap statistik rasmi.

Memperluas ketersediaan dan kebolehaksesan statistik subnasional bagi menyokong perancangan pembangunan di peringkat negeri dan tempatan.

Memodenkan sistem statistik melalui pendigitalan menyeluruh, integrasi data dan penggunaan teknologi analitik lanjutan.

Menyokong agenda pembangunan negara dan aspirasi RMK13 ke arah ekosistem data yang mampan, inklusif dan berdaya saing.

Memantapkan ekosistem sistem statistik negara melalui penyelarasan, kolaborasi strategik dan pematuhan kepada standard statistik nasional.



LAGU KORPORAT DAN LAGU JABATAN

Lagu Korporat

Seiring Visi dan Misi

Jabatan Perangkaan Agensi Utama
Jana Maklumat Tepat dan Cepat
Mentafsir Perangkaan untuk Perancangan
Maklumat Berkualiti Tuntutan Zaman

Tenaga Kerja Terlatih dan Cekap
Khidmat Terbilang di Persada Dunia
Penyebaran Statistik Terus Ditingkatkan
Analisis Maklumat Sentiasa Budayakan

Bertanggungjawab Ikhlas dan Mesra
Keperluan Pelanggan Sentiasa Dihayati
Yakinkan Pengguna Jayakan Ekonomi
Seiring Sejalan Visi dan Misi

Jabatan Perangkaan Malaysia

Bertanggungjawab Ikhlas dan Mesra
Keperluan Pelanggan Sentiasa Dihayati
Yakinkan Pengguna Jayakan Ekonomi
Seiring Sejalan Visi dan Misi

Jabatan Perangkaan Malaysia

Lagu Jabatan

Statistik Segalanya Pasti

Tak Kira Walau Apa
Cabaran dan Aral Melintang
Statistik Meringankan
Segala Beban yang Menjelma
Gementar Tiada

Bersama Kita Teguh Hadapi
Bentala Dipenuhi Misteri
Namun Statistik Kan Melindungi
Statistik Petunjuk Realiti

Kesejahteraan Negara
Perpaduan Seluruh Bangsa
Dengan Irama Data

Tidak Hanya Berbicara
Pagi Hingga ke Senja
Semangat yang Terus Membara

Data dan kehidupan Berteraskan Harapan
dan Impian Kemakmuran

Segalanya Pasti
Bergalaskan Strategi
Menuju Aspirasi

Harapan, Keamanan
Impian, Kedamaian

PENGHARGAAN

Senarai Pasukan *Road Map* PSJ DOSM 2026-2030 dan Keahlian

1. YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin
2. YBrs. Hajah Nazaria binti Baharudin
3. YBrs. Puan Siti Asiah binti Ahmad
4. Puan Norhayati binti Jantan
5. Encik Wan Mohd Shahrulnizam bin Wan Mohd Najuri
6. Puan Jamaliah binti Jaafar
7. YBrs. Ts. Norhasniah binti Ab. Aziz
8. Encik Mohd Yazid bin Kasim
9. YBrs. Dr. Kanageswary a/p Ramasamy
10. Puan Ezatul Nisha binti Abdul Rahman
11. Puan Siti Haslinda binti Mohd Din
12. Puan Roslawati binti Yahya
13. Puan Fuziah binti Md. Amin
14. Encik Muhammad Amri bin Idris
15. Puan Riyanti binti Saari
16. Puan Jamia Aznita binti Jamal
17. Encik Mohd Ridauddin bin Masud
18. Puan Shafizaermawaty binti Shafei
19. Puan Siti Zakiah binti Muhamad Isa
20. Puan Dayang Rozana binti Abang Hassan
21. Encik Zainol bin Jamil
22. Puan Hartini binti Yaacob
23. Puan Suzana binti Abu Bakar
24. Encik Mohd Sofi bin Ali
25. Puan Mazreha binti Ya'akub
26. Puan Zawati Yusrah binti Zainuddin
27. Encik Khairolnizam bin Hassan
28. Encik Sharuddin bin Shafie
29. Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Rashid
30. Encik Abang Saifulhadi bin Abang Haji Ibrahim
31. Puan Rozita binti Misran
32. Encik Razaman bin Ridzuan
33. Cik Yusnita binti Mohd Yusof
34. Encik Mohd Sawal bin Shakimon
35. Puan Marlini binti Sahul Hamid
36. Puan Nadia binti Marzuki
37. Encik Mohd Shahrill bin Abdul Rashid
38. Encik Azmi bin Ali
39. Puan Khairul Aidah binti Samah
40. Encik Mohd Sabaruddin bin Jaafar
41. Encik Wan Azhar bin Wan Mokhtar
42. Encik Azra Nuhairi bin Abdul Aziz
43. YBrs. Dr. Ab. Razak bin Othman
44. Encik Ahmad Redzuan bin Abdul Hadi
45. Puan Yong Joo Chiet
46. Puan A'ina Iryani binti Dol Razlan
47. Puan Suraya Hani binti Mohamad Ashi
48. Encik Amiza bin Mohammad
49. Encik Hamka bin Ismail
50. Puan Pazlina Waty binti Che Pah
51. Puan Siti Faizah Hanim binti Md Matar
52. Encik Minson bin Majimbun
53. Encik Ahmad Radzi bin Mohamed
54. Cik Nur Hurriyatul Huda binti Abdullah Sani
55. Puan Nur Surya binti Ab Razak
56. Puan Maimunah binti A. Rahman
57. Encik Azizul bin Ab Llah
58. Cik Syahida Adlina binti Abdul Hadi
59. Encik Baharudin bin Mohamad
60. Puan Nurul Aini binti Abdul Wahab
61. Puan Khamsiah binti Mat Zin
62. Puan Venothini a/p Retnam
63. Puan Norasyikin bte Abdul Mubin
64. Puan Faiza Rusrianti binti Tajul Arus
65. Puan Nadia binti Miskiman
66. Puan Masitah binti Kamaludin
67. Puan Nur Azmina binti Ahmad Zuhkhori
68. Puan Siti Fatimah binti Muhazir
69. Puan Mashitah binti Mahmor
70. Encik Mohamad Faizul Ezwan bin Abdul Razak
71. Encik Muhammad Fadhil bin Mujab
72. Puan Fatin Ezzati binti Mohd Aris
73. Encik Mohammad Faris bin Roslan
74. Puan Azizah binti Ramli
75. Encik Muhamad Yusri bin Ishak
76. Encik Muhamad Haziq Aqil bin Hanafee
77. Cik Nurul Haizum Farahdiyana binti Latjatih
78. Cik Nurul Syafiqah Shazwani binti Norzelan
79. Encik Khairul Anuarul Imran bin Mat Udin
80. Cik Nurul Atiqah binti Sabarudin
81. Encik Mohd Azhar bin Alpad
82. Encik Muhammad Irham bin Hisham